



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

---

Jilid I

Bil. 3

Hari Rabu

3hb Disember, 1986

---

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PKRTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri  
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong -  
Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria

(Ruangan 33)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 3hb Disember, 1986

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**HOSPITAL BARU SIBU**

1. **Tuan Wong Kie Yik** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah dalam masa tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan mampu membangunkan Hospital Besar Sibu. Di samping itu juga minta Menteri berkenaan menyatakan senarai-senarai 57 klinik desa yang akan dibangunkan di Negeri Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya, Kementerian Kesihatan bercadang untuk melaksanakan projek hospital baru Sibu dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini sedang dikaji semula selaras dengan urusan pemotongan Belanjawan Pembangunan Rancangan Malaysia Kelima bagi seluruh negara dan semua agensi yang sedang berjalan sekarang.

Sebenarnya jumlah projek-projek perkhidmatan kesihatan luar bandar bagi negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah 56 dan bukan 57. Di antaranya termasuk 51 buah klinik desa, projek-projek kebersihan alam sekitar dan projek membeli kenderaan dan kelengkapan bagi klinik-klinik desa.

Senarai 51 buah klinik desa itu saya boleh memberikan kepada Ahli Yang Berhormat secara berasingan dan secara bertulis, untuk menjimatkan masa Dewan ini.

### SISTEM POSKOD

2. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah keberkesanannya sistem poskod yang telah dilaksanakan oleh Kementerian tenaga Telekom dan Pos setakat ini.

**Menteri Tengah, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:**

Tuan Yang di-Pertua, sistem Pos KodKebangsaan yang telah dilancarkan pada 1hb Oktober, 1985 adalah merupakan peringkat pertama ke arah memodenkan perkhidmatan Jabatan Pos. Semenjak pelancaran, kira-kira 80% dari pucuk surat-surat yang dikirim ke negara ini telah menggunakan pos kod iaitu satu pencapaian yang tinggi jika dibandingkan dengan angka-angka di kira dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, peringkat kedua merupakan penggunaan mesin-mesin pengisih otomatik yang mempunyai keupayaan mengisih sebanyak 20,000 pucuk surat sejam dibandingkan dengan keupayaan manual di bawah 2,000 pucuk surat sejarn. Dengan menggunakan mesin-mesin pengisih otomatik yang berkeupayaan tinggi itu maka adalah dijangka surat-surat akan dapat disah dan dihantar dengan lebih cepat lagi.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sistem Pos Kod yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian ini diucapkan tahniah. Walau macam manapun, saya suka mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, surat-surat yang tidak ditulis pos kodnya adakah lambat diterima oleh sipenerimanya atau sama sahaja surat-surat yang ditulis berserta dengan pos kodnya?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Sekiranya mesin-mesin pengisih otomatik telah digunakan kelak, sudah tentu surat-surat yang tidak menggunakan pos kod akan terlewat untuk diserahkan kepada penerima-nya.

### SYARIKAT PEWAJA

3. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa "Syarikat Pewaja" di Kemaman mengalami kerugian semenjak ianya ditubuhkan. Jika benar, bolehkah Perdana Menteri memberitahu berapa banyakkah kerugian terkumpul semenjak ditubuhkan hingga 30.6.1986 dan apakah menyebabkan kerugian itu berlaku. Apakah ianya berpunca dari ketidakcekapan pentadbiran atau ianya terlalu awal atau tidak harus syarikat-syarikat sebesar itu ditubuhkan di Malaysia kerana kepeluan Negara amat kecil jika dibandingkan dengan pengeluarannya.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada tahun Kewangan 1983/1984 Syarikat Perwaja mendapat keuntungan sedikit dari faedah simpanan tetap, tetapi Syarikat ini, seperti juga semua syarikat besar yang mempunyai 'gestation period' yang panjang, telah membuat peruntukan kerugian bagi tahun-tahun awalan. Ini adalah kerana bayaran hutang, peningkatan prestasi dan lain-lain. Bagi Syarikat Perwaja, kenaikan matawang Yen memberi kesan yang buruk kerana semua pinjaman adalah dari Jepun. Di samping itu kemelesetan dalam 'construction industry' telah mengurangkan permintaan untuk besi billet. Sehingga sekarang kerugian terkumpul berjumlah \$131,000,000.00

Adalah tidak benar yang kerugian ini berpunca daripada ketidakcekapan pentadbiran. Sebaliknya, kita berpuas hati dengan pihak pengurusan kerana dapat mengeluarkan 'billet' yang setanding dengan mutu antarabangsa. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, faedah mendirikan kilang seperti ini hendaklah dilihat juga dari segi sumbang kepada negara dalam jangka masa panjang seperti berikut:

- (a) menjimatkan pertukaran wang asing;
- (b) membaiki imbalan pembayaran;
- (c) mewujudkan peluang pekerjaan;
- (d) meningkatkan tahap kecekapan rakyat dalam bidang teknologi moden; dan
- (e) pemindahan teknologi.

**BERAS SIAM DI GERABAK KTM - PENYELUDUPAN**

4. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan silap dan salah siapa menyebabkan sehingga 1080 guni beras Siam dalam 2 buah gerabak KTM dibawa masuk hingga ke Batu Gajah pada Mei 1986 yang lalu:

- (a) siapa yang cuai;
- (b) apa tindakan yang telah diambil apa hukuman kepada yang cuai; dan
- (c) apa sebab hingga Batu Gajah baru disedari penyeludupan itu.

**Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan berkait dengan kes ini masih sedang dijalankan dan setakat ini belum dapat ditentukan sama ada ada apa-apa kecuaian atau kesilapan yang berlaku oleh mana-mana pihak. Sekiranya terdapat kecuaian di kalangan mana-mana pegawai di mana-mana Jabatan, maka tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka. Sekiranya kes tersebut melibatkan unsur-unsur jenayah, mereka yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah.

**Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penyeludupan beras ini, saya suka mendapt maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, penyeludupan yang serupa ini, adakah telah berlaku pada kali pertama atau dahulu telah berlaku juga seperti ini?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata, penyiasatan masih dibuat, tetapi mengikut laporan awal ada menunjukkan bahawa kemasukan beras ini sebenarnya ada melibatkan pemalsuan dokumen iaitu cuba menyeludupkan beras dengan menggunakan dokumen dipalsukan yang mana dicatatkan dalam dokumen itu barang makanan ternakan. Jadi dalam kes macam ini baru pertama kalilah, tetapi kemasukan beras secara seludup memang telah banyak kali berlaku.

**KES-KES DI MAHKAMAH YANG BELUM SELESAI**

5. **Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Kehakiman menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan kes-kes yang masih banyak belum diselesaikan di mahkamah-mahkamah negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan kes-kes yang belum diselesaikan di mahkamah-mahkamah ialah:-

- (i) berusaha mengisi semua jawatan-jawatan Yang Dipertua Mahkamah Sesyen dan Majistret yang masih kosong;
- (ii) menambah bilangan bilik-bilik bicara di mahkamah-mahkamah yang sedia ada;
- (iii) membina beberapa buah mahkamah baru;
- (iv) memperlengkapkan mahkamah-mahkamah dengan alat-alat yang cukup dan moden seperti dengan izin, 'Word Processor' dan mikro-komputer.
- (v) satu kajian yang menyeluruh untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ini telahpun selesai dibuat. Berikut dari kajian ini Kerajaan memutuskan agar Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948 (Akta 92) dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dibentangkan melalui semua peringkat di Mesyuarat Parlimen yang bersidang sekarang.

Adalah diharapkan dengan adanya pindaan-pindaan kepada Akta-akta tersebut yang melibatkan, antara lain, penyusunan semula bidang kuasa mahkamah serta langkah-langkah lain yang dimaksudkan itu akan dapat mengatasi masalah kelewatan menyelesaikan kes-kes ini di semua peringkat di masa akan datang.

**Tuan G. Rajoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang melantik sebuah mobile unit pergi menyiasat ke tiap-tiap pekan untuk mendengar perbicaraan kes-kes kecil dengan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan kecil.

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak bercadang menerima cadangan itu.

#### LEBUHRAYA JITRA-ALOR SETAR

6. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab bahagian lebuhraya Utara-Selatan dari Jitra-Alor Setar itu belum siap dibina pada akhir bulan April 1986, sedangkan Menteri telah memberi jawapan secara bertulis, yang bahagian lebuhraya tersebut dijangka siap pada akhir bulan April, 1986; dan
- (b) bilakah bahagian lebuhraya itu dijangka siap.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lebuhraya Jitra-Alor Setar mengalami sedikit kelewatan kerana berlakunya perubahan rekabentuk di beberapa tempat bahagian lebuhraya tersebut.

Perubahan rekabentuk ini dibuat kerana keadaan tanahnya tidak mempunyai kekuatan yang mencukupi. Lebuhraya tersebut dijangka siap pada pertengahan tahun 1987.

**PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH/PENGANGKUTAN AWAM**

7. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sebagai satu langkah untuk menjimatkan perbelanjaan dan tenaga ibubapa-ibubapa dan penjaga-penjaga:

- (a) pelajar-pelajar lelaki mungkin dibenarkan memakai Kemeja T berkollar yang kemas sebagai sebahagian pakaian seragam sekolah (uniform) dan kalau begitu, arahan yang serta-merta diberikan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan; dan
- (b) sama ada pas-pas istimewa pada kadar konsesi akan dikeluarkan kepada murid-murid sekolah untuk menggunakan pengangkutan awam dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:**

Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Mengikut peraturan yang ada sekarang pakaian seragam murid-murid sekolah rendah ialah baju lengan pendek berwarna putih dan seluar pendek warna biru. Pakaian seragam murid-murid lelaki sekolah menengah ialah baju putih berlengan pendek atau panjang dan seluar panjang berwarna 'olive green', dengan izin. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membuat apa-apa perubahan kepada peraturan ini. Walau bagaimanapun murid-murid boleh menggunakan " T Shirt" untuk pendidikan Jasmani dan kegiatan ko-kurikulum,
- (b) Kadar bayaran tambang pengangkutan bas syarikat-syarikat swasta adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Pihak-pihak yangberkenaan walau bagaimanapun boleh berhubung dengan syarika-syarikat yang berkenaan untuk mendapat kongsi atau potongan harga tambang.

Walau bagaimanapun Keretapi Tanah Melayu ada memberikan tambang konsesi kepada murid-murid pada masa cuti sekolah.

**GURU SANDARAN**

**8. Tuan Haji Ibrahim bin Ujang** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah Guru Sandaran di seluruh negara dan nyatakan:

- (a) jumlah Guru Sandaran yang telah ditawarkan untuk mengikuti kursus perguruan dalam masa cuti penggal, dan
- (b) perbelanjaan sepanjang masa berkursus termasuk bayaran asrama adakah diberikan secara percuma.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada dua jenis Guru Sandaran yang ditempatkan di sekolah-sekolah iaitu Guru Sandaran Terlatih yang termasuk dalam 'establishment', dengan izin, dan Guru Sandaran Tanpa Latihan iaitu Guru Sementara.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat -

- (a) jumlah Guru Sandaran yang telah ditawarkan untuk mengikuti Kursus Pergurusan dalam masa cuti penggal Kursus Dalam Cuti (KDC) adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah yang ditawarkan</b>	<b>Jumlah yang menerima Tawaran</b>
<b>1984</b>	<b>1,123</b>	<b>1,081</b>
<b>1985</b>	<b>1,222</b>	<b>928</b>
<b>1986</b>	<b>1,758</b>	<b>1,686</b>

- (b) Kementerian Pelajaran membayar tambang pelatih pergi dan balik apabila menghadiri kursus dalam cuti. Semua perbelanjaan lain seperti peginapan, makan minum, membeli bahan-bahan untuk menyediakan alat-alat bantuan mengajar dan buku-buku teks yang diperlukan adalah ditanggung sendiri oleh pelatih-pelatih tersebut. Maktab-maktab Perguruan ada

menyediakan tetmpat menginap di asrama bagi pelatih-pelatih KDC dengan bayaran \$2.65 seorang sehari yang dibayar sendiri oleh pelatih-pelatih tersebut.

**Tuan G. Rajoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kursus pada Guru-guru Sandaran yang berkelayakan Darjah VII yang berkhidmat di Sekolah-sekolah Tamil yang telahpun berkhidmat lebih daripada 20 tahun?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum namun demikian kita boleh ambilkira dalam rancangan kita, tetapi tidaklah boleh kita pastikan kerana ini bukan hanya berdasarkan kepada mereka itu dari Guru-guru yang mengajar bahasa Tamil, tetapi aspek-aspek lain dari segi kelulusan akademik dan sebagainya perlu juga kita ambilkira.

#### CONCERT ROCK -PEHGHARAMAN

**9. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan rakyat Malaysia yang beragama Islam bersetuju dengan Kerajaan mengharamkan pertunjukan "concert rock" di khalayak ramai, sama ada secara terbuka atau tertutup, kerana pertunjukan seperti ini bertentangan dengan penerapan nilai-nilai Islam dan kebudayaan kita, adakah pihak Kementerian bercadang memberi kebenaran kepada pengajur-pengajur "concert rock" tersebut dengan alasan permit akan diberi kepada pertunjukan dalam bangunan yang tertutup.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]:** Tuan Yang di-Pertua, persembahan Rock Berat (Heavy Metal Rock), dengan izin, secara persembahan umum terbuka (open public concert) adalah tidak dibenarkan.

Persembahan umum terbuka adalah dimaksudkan sebagai persembahan tontonan ramai sama ada di pentas terbuka, di pentas dalam arena atau Dewan Orang Ramai atau seumpamanya. Misalnya di Panggung Anniversary, Stadium-stadium, Dewan-dewan dan lapangan terbuka.

Muzik Rock hanya boleh dimainkan di acara-acara persendirian atau persembahan-persembahan di Kelab-kelab Malam. Satu garis panduan yang kemaskini sedang disediakan oleh Jawatankuasa Bersama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

**BANGUNAN HOSPITAL - PEMBAIKAN**

10. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau ada rancangan untuk membaharui sebahagian bangunan-bangunan hospital yang lama dan buruk serta menambah bangunan-bangunan untuk sebahagian hospital yang tak dapat menampung keperluan orang ramai yang kian bertambah.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian yang se-wajarnya kepada pembaikan dan penambahan bangunan-bangunan hospital dalam usaha meninggikan taraf perkhidmalan perubatan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk-penduduk di seluruh negara.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima peruntukan sebanyak \$350,846,000 telah diluluskan untuk membina dan menyiapkan ataupun mula pembinaan sejumlah 268 projek-projek kesihatan untuk memperbaiki hospital. Projek-projek yang dipohon merupakan:

- (1) Projek-projek sambungan kepada wad-wad yang sedia ada serta wad-wad tambahan baru;
- (2) Projek-projek memperbaiki/membesar/mengganti baru kemudahan-kemudahan perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar, iaitu melengkapkan kemudahan-kemudahan ini dengan alat-alat kelengkapan yang moden dan sebagainya; dan
- (3) Projek-projek memperbaiki/membesar/mengganti baru kemudahan-kemudahan sampingan seperti Dewan Bedah, Jabatan X-Ray, Makmal, Farmasi, Dapur, Dobi dan sebagainya.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada tiga buah wad hospital yang berada di General Hospital Kuala Lumpur keadaannya sudah terlalu dail iaitu Wad 3rd Class, Wad No.8, 10 dan 11 di mana ianya sudah tidak sesuai lagi ada di dalam bandar yang begitu hebat kemajuan sains dan teknologinya. Adakah dalam belanjawan yang disebutkan tadi termasuk untuk membina, membetul dan membaki serta mengubahsuaikan keadaan hospital berkenaan. Saya harap kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada time, silalah melawat. Keadaannya menyedihkan sangat.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya dan Yang Berhormat Menteri sentiasa melawat ke hospital, khasnya ke wad-wad yang disebutkan yang nombornya sudah ditukar selepas Yang Berhormat melawat pada kali yang dahulu. Kementerian memang mempunyai rancangan untuk menggantikan wad-wad yang berkenaan, tetapi sementara kita menunggu peruntukan yang cukup, kita telahpun membelanjakan beberapa ribu ringgit untuk membaiki kemudahan-kemudahan di wad tersebut, khasnya kemudahan tandas dan sebagainya. Kita juga telah cuba membaiki beberapa wad yang lain untuk mengurangkan keadaan yang sesak, yang terdapat dahulu dalam wad-wad tersebut. Jadi, perkara ini adalah dalam tindakan.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan yang ada dibuat oleh Kementerian untuk menggunakan tanah yang luas yang telah dikosongkan oleh hospital lama di Seremban, dan kalau ada rancangan bilakah rancangan ini akan dijalankan. Sementara itu, adakah rancangan untuk mencantikkan tanah yang buruk itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian mempunyai beberapa rancangan untuk menggunakan tapak hospital lama di Seremban dan Kementerian sedang membincangkan beberapa aspek kegunaan tapak itu dengan pihak Kerajaan Negeri juga, malangnya pada masa kita tidak mempunyai peruntukan wang untuk meneruskan beberapa rancangan ini dan Kementerian sedang membelanjakan beberapa peruntukan untuk mengindahkan atau membaiki wajah kawasan itu untuk mengelakkan daripada satu eyesore di Seremban.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan Hospital Besar Putau Pinang yang terbengkalai. Pada mulanya hendak buat, sebelum keadaan negara meleset lagi, lepas itu tinggal begitu sahaja.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya rasa cerita bangunan baharu bagi Hospital Besar Pulau Pinang adalah satu yang malang, kerana dalam beberapa rancangan pembangunan terpaksa ditangguhkan. Kita hanya dapat di situ kerja piling yang sudahpun dilakukan lebih kurang empat tahun dahulu untuk membina satu perkhidmatan pusat yang akan mempunyai blok bilik pembedahan, bilik kepakaran dengan tambahan wad-wad yang baharu dan sebagainya. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, kita memang mempunyai peruntukan sebanyak \$44 juta bagi meneruskan projek ini tetapi pada masa ini kedudukan projek itu masih dibincangkan untuk mencari peruntukan yang cukup untuk kita dapat mulakan kerja itu tetapi Kementerian memang memberi keutamaan kepada projek tersebut.

**MATA PELAJARAN KEWARGANEGARAN**

11, **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kenapa matapelajaran kewarganegaraan diberhentikan tiba-tiba sahaja dengan mengejut. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkemaskan lagi pengajaran kewarganegaraan di semua Sekolah Menengah di negari ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan tetap diajar sebagaimana yang dirancangkan. Oleh itu, soal memberhentikan matapelajaran tersebut tidak timbul sama ada sekali.

Antara langkah-langkah yang akan diambil bagi memperkemaskinikan pengajaran mata pelajaran berkenaan iaitu:

1. Menyediakan module-module dan mengedarkannya ke semua sekolah yang terlibat untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran tersebut.
2. Mengadakan penyediaan dan pengawasan yang teratur supaya pengajaran dan pembelajaran matapelajaran ini dapat dilaksanaan dengan berkesan, dan
3. Melantik guru-guru khas yang berkelayakan dan berpengalaman untuk menyelaraskan program ini di peringkat sekolah.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah matapelajaran warganegaraan yang telah diwujudkan, adakah matapelajaran ini sebagai satu mata pelajaran wajib?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah menengah, ya. Memang kita hendak wajibkan tetapi wajibnya matapelajaran tidak semestinya akan diambil oleh pelajar-pelajar dalam peperiksaan tetapi kita hendak pastikan tiap-tiap pelajar mengambil matapelajaran ini.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Saya hendak pastikan bila dimakksudkan matapelajaran yang wajib, pelajar-pelajar itu dimestikan mengambil matapelajaran yang diterangkan tadi, maksud saya adakah dimestikan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, ya, memang.

**PERPADUAN NEGARA**

12. **Puan Nazidah binti Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keperluan untuk memupuk perpaduan negara dan menolak kebelakang aliran kepada polarisasi kaum, adakah agensi-agensi utama seperti Unit Perpaduan Negara, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan mempunyai satu perancangan yang berkesan dan selaras bagi mencapai matlamat mempertahankan perpaduan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara sedang merancangkan satu pendekatan baru yang mana ianya akan melibatkan secara langsung penyertaan agensi-agensi lain yang berkaitan di dalam usaha memupuk perpaduan kaum di negara ini. Perancangan ini akan melibatkan banyak agensi termasuklah agensi-agensi yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran dan lain-lain agensi Kerajaan, untuk merencana dan melahirkan garis panduan terhadap usaha memupuk perpaduan nasional.

**PERUSAHAAN PEMELIHARAAN IKAN**

13. **Tuan Tay Chee King** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) beberapa banyak perusahaan pemeliharaan ikan swasta dan Kerajaan di seluruh Malaysia; dan
- (b) dalam tahun 1985 berapa ramai penternak ikan tawar yang mendapat subsidi dari pihak Kerajaan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhat Wan]: Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Bilangan orang dari swasta yang terlibat dalam perusahaan pemeliharaan ikan ialah 13,650. Sementara pihak Kerajaan pula melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia terlibat dalam tiga projek pemeliharaan ikan.
- (b) Dalam tahun 1985, seramai 1,013 orang menerima subsidi menternak ikan air tawar dari Kerajaan.

#### **BERCUTI DAN MELANCONG DALAM NEGERI**

14. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimana Kementeriannya dapat menarik minat rakyat Malaysia untuk bercuti dan melancong dalam negara sendiri seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1987.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), telahpun mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi perkembangan pelancongan tempatan. Langkah utama yang dijalankan oleh Kerajaan ialah memberi kesedaran kepada rakyat mengenai daya-daya tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini iaitu melalui kempen-kempen tertentu, pengiklanan, penyebaran risalah, penganjuran program-program galakan pelancongan dan sebagainya.

Dari masa ke semasa Kerajaan juga mengadakan Majlis-majlis tak-limat kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti pegawai-pegawai Kerajaan, para pelajar, isteri-isteri pegawai Kerajaan serta kumpulan-kumpulan belia.

Kerajaan juga menyertai program-program penggalakkan pelancongan dalam negeri yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri serta organisasi-organisasi tertentu seperti Pesta Perahu Antarabangsa Pulau Pinang, Ekspo-ekspo Perdagangan Negeri, Ekspo Holiday Malaysia, Ekspo Warisan Seni dan Kraf Tradisi Malaysia serta lain-lain pameran yang berkaitan dengan penggalakkan pelancongan dalam negeri.

Dalam bulan Mei tahun lalu TDC telah bekerjasama dengan pihak swasta untuk melancarkan Program-Program pelancongan tempatan iaitu Program Percutian Istimewa atau dengan izin, Great Value Holidays, yang memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk memilih di antara 32 program lawatan ke tempat-tempat pelancongan di Malaysia. Sejak pelancarannya sehingga Ogos 1986, sebanyak 3,797 lawatan telah dikendalikan. TDC sedang meneruskan publisiti mengenai program ini melalui pengiklanan dan media massa dan juga televisyen tempatan.

Dengan adanya program-program ini Kerajaan berharap rakyat Malaysia akan lebih tertarik lagi untuk melawat negara sendiri.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan perlunya kita mempertingkatkan pelancongan dalam negeri bagi warganegara negeri ini sendiri, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kedudukan Rumah-rumah Penginapan ataupun Rumah-rumah Rihat Kerajaan, tidak bolehkah konsep Rumah Penginapan atau Rumah Rihat yang banyak terdapat dan bandar-bandar di negara ini diperbaiki ataupun dipermajukan, dipertingkatkan sebagai satu cara bagaimana tempat penginapan untuk pelancong dalatn negeri dapat dijalankan?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengambil perhatian.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuah Yang di-Pertua, tidakkah pihak TDC melalui Setiausaha Parlimen yang berkenaan bercadang untuk mempelawa Program Percutian Istimewa itu kepada Wakil-wakil Rakyat sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara dengan potongan harga yang istimewa supaya pihak-pihak Wakil Rakyat ini juga boleh menjadi agen pengiklanan bagi tujuan-tujuan yang disebutkan tadi.

**Tuan M.G. Pandithan:** Yuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh mengkajilah. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

#### **SYARIKAT MILIK KERAJAAN - PEMINDAHAN KEPADA BUMIPUTERA**

15. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat memindahkan syarikat-syarikat kontrak binaan milik Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan kepada syarikat-syarikat binaan Bumiputera dan kalau ya, bilakah ianya akan dilaksanakan,

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telah menjadi dasar Kerajaan untuk memindahkan ekuiti miliknya dalam syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan termasuk syarikat kontrak binaan kepada masyarakat bumiputera apabila syarikat-syarikat tersebut menjadi viable, ataupun apabila syarikat-syarikat bumiputera yang berkemampuan mengurusnya memohon membelinya. Di bawah Skim Pemindahan Hakmilik Saham Kerajaan kepada bumiputera, saham-saham syarikat Kerajaan akan diagihkan kepada Permodalan Nasional Berhad, syarikat/koperasi/institusi bumiputera serta juga pekerja-pekerja syarikat mengikut formula tertentu berdasarkan peratus pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut.

Setakat ini Kerajaan mempunyai ekuiti dalam 12 buah syarikat kontrak binaan dan telah memindahkan sebahagian dari sahamnya dalam sebuah syarikat (iaitu Pernas Construction (Sdn.) Bhd.) kepada PNB. Urusan selanjutnya adalah untuk memindahkan sebahagian dari saham-saham syarikat tersebut kepada lain-lain pihak termasuk syarikat bumiputera.

#### PENJAGA/BANDUAN YANG LARI

**16. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penjara yang terdapat di negara kita ini dan di negeri mana yang ada penjara;
- (b) berapa ramaikah jumlah bilangan orang banduan di tiap-tiap penjara berkenaan ditempatkan keseluruhannya;
- (c) berapa ramaikah bilangan banduan yang dapat melarikan diri dari penjara bagi tahun berikut iaitu dari tahun **1981** hingga **31hb Oktober, 1986**; dan
- (d) apakah sebabnya akhir-akhir ini banduan-banduan selalu sangat dapat melarikan diri dari tahanan, adakah ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan atau lain-lain sebab, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara ini dapat dikawal.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak**

**Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menetapkan untuk menghantarkan jawapan ini secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### BANDUAN MELEPASKAN DIRI

17. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar disebabkan kekurangan kakitangan dan keperluan-keperluan wajar di penjara-penjara di Malaysia menyebabkan kejadian banduan tahanan penjara yang membahaya berjaya melepaskan diri; dan berapa ramaikah tahanan yang berjaya lari dalam tahun 1985-1986 dan apakah perkembangan selanjutnya.

**Datuk Leo Meggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, serupa juga dengan soalan No. 16 tadi, Kerajaan akan menghantarkan jawapan ini secara bertulis juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Haasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

### LAWATAN KE CHINA/MACAU

18. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan Peraturan-peraturan yang mengawas kemasukan rakyat Malaysia ke Negeri China;
- (b) mengapakah rakyat Malaysia yang melawat Macau diletakkan dalam senarai hitam dan mengapakah apabila mereka membaharui pasport, mereka dikehendaki supaya ditemuduga oleh Cawangan Khas; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi amaran kepada rakyat Malaysia tentang akibatnya apabila melawat ke Macau.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta izin untuk menentukan jawapan ini disampaikan secara bertulis.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan akan menyampaikan jawapan kepada soalan-soalan ini secara bertulis. Adakah jawapan yang diberi ini secara mendadak atau telah diberitahu secara awal?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jawapan ini memang sudah disediakan tetapi oleh sebab mungkin kesilapan yang timbul, kita tidak ada maklumat yang didapati di hadapan kita sekarang.

#### EMPANGAN TEMENGGOR/KENYIR - ROYALTI

19. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyakkah bayaran royalti oleh Kementerian ini kepada Kerajaan Negeri Perak untuk Empangan Temenggor yang digunakan bagi kuasa tenaga elektrik pada tiap-tiap tahun semenjak Empangan tersebut beroperasi. Begitu juga berapakah bayaran royalti oleh Kementerian ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk Empangan Kenyir.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, royalti yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Perak untuk Empangan Temenggor ialah \$324,500 setahun. Bagi Empangan Kenyir, rundingan masih dijalankan dengan Kerajaan Negeri Terengganu mengenai jumlah bayaran yang harus dibuat.

**Puan Hasanah binti Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Agak-agaknya bilakah perundingan itu boleh dibereskan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengadakan rundingan ini dengan Kerajaan Negeri Selangor beberapa kali yang sudah, dan saya tidak dapat mempastikan sekarang bilakah ini dapat dicapai.

**BANK DUNIA - SKIM PINJAMAN MEMBANTU USAHAWAN KECIL**

20. **Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Mentert Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengenai Skim Pinjaman Bank Dunia untuk membantu usahawan kecil bumiputera/bukan bumiputera:

- (a) jumlah wang yang disediakan;
- (b) jumlah maksima sesuatu pinjaman yang boleh dipohon-dan diluluskan;
- (c) jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bumiputera-dan bukan bumiputera sehingga 30.10.1986; dan
- (d) syarat-syarat pinjaman dan keberkesanan pinjaman tersebut dalam usaha membantu usahawan-usahawan kecil setakat 30.10.1986.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng**

**Cheng Kuai]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang disediakan ialah \$234,4 juta. Sebanyak \$210 juta adalah peruntukan untuk komponen pinjaman kepada usahawan kecil dan baki \$24.4 juta adalah komponen bantuan teknikal untuk memperteguhkan agensi-agensi teknikal yang melaksanakan program khas ini.

Jumlah maksima sesuatu pinjaman yang boleh diluluskan ialah \$1.5 juta.

Jumlah pinjaman yang telah diberikan sehingga 30.10.1986 kepada bumiputera ialah \$28,876,091 dan kepada bukan bumiputera ialah \$1,922,638.

Syarat-syarat pinjaman adalah seperti berikut:-

- (1) Semua syarikat dan firma layak memohon sama ada untuk memulakan perusahaan baru atau membesarkan perusahaan yang sedia ada dengan syarat ekuiti syarikat atau firma tidak lebih daripada \$750,000.

- (2) Semua jenis perusahaan layak mendapat pinjaman dengan keutamaan diberi kepada perusahaan-perusahaan memproses makanan, kejuruteraan ringan dan kimpalan, perusahaan berasaskan kayu, buluh dan rotan, perusahaan mengeluarkan bahan binaan, barang-barang plastik dan seramik. Bagaimanapun, semua jenis aktiviti bercorak pengeluaran pertanian (pure agriculture), dengan izin, adalah terkeluar dari skop pembiayaan di bawah skim ini.
- (3) Jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada "gearing ratio" yang ditetapkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MIDF.
- (4) Pinjaman yang boleh diberi adalah untuk membiayai harta tetap, tanah, mesin-mesin dan modal pusingan.
- (5) Kadar faedah pinjaman adalah di antara 9% hingga melebihi 11% tertakluk kepada nilai pinjaman dan jenis industri.
- (6) Cagaran adalah diperlukan untuk meliputi pinjaman yang diberikan. Nilai cagaran adalah tertakluk kepada jenis harta.
- (7) Tempoh bayaran balik pinjaman tertakluk kepada aliran wang tunai, (cash flow) projek dan juga jenis industri.
- (8) Sebelum permohonan diluluskan, rujukan terlebih dahulu akan dibuat oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MIDF kepada agensi-agensi teknikal yang berkaitan dengan industri yang dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan ulasan berkenaan kesesuaian

mesin, penggunaan teknologi, penggunaan bahan-bahan mentah, pasaran, mutu dan sebagainya.

- (9) Usahawan-usahawan yang diluluskan pinjaman dikehendaki mengikuti kursus di bidang yang berkaitan selama sekurang-kurangnya dua hari di Pusat Daya Pengeluaran Negara.

Dari segi keberkesanannya, pinjaman ini telah dapat menambahkan bilangan usahawan-usahawan kecil yang melibatkan diri dalam perusahaan-perusahaan pembuatan. Setelah dua tahun skim ini dilaksanakan, seramai 330 usahawan kecil telah mendapat faedah pinjaman yang bernilai \$30.8 juta.

Dari segi peratus pula, ia merupakan 14.7% daripada peruntukan \$210 juta yang telah dikeluarkan kepada usahawan kecil. Dari segi perkiraan hitung-panjang, keluaran pinjaman sebulan ialah \$1.28 juta.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, sesudah begitu baik rancangan dan kewangan yang disediakan, bagaimanakah dari segi sambutan dan kemajuannya, adakah pulangan-pulangan bayaran balik daripada pinjaman ini didapati dengan baik atau adakah kesemua usahawan-usahawan itu sama ada bumiputera atau bukan bumiputera mendapat kemajuan dalam bidang perniagaan masing-masing? kalausekiranya ada report di Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adalah terlalu awal untuk mendapatkan satu gambaran yang tetap, tetapi semua projek yang diluluskan adalah berdasarkan kepada banking prudence, dengan izin, dan dianggapkan bahawa projek-projek yang diluluskan itu akan berjaya.

#### PELABURAN ASING - KEJAYAAN GARIS PANDUAN BARU

21. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kemajuan telah dicapai dengan garis panduan baru bagi menarik pelabur asing dan ramalan beliau bagi tahun 1987.

**Tuan M.G, Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di New York baru-baru ini mengenai garis panduan baru bagi menarik pelaburan asing, banyak pertanyaan yang diterima oleh MIDA dan mengenai syarat-syarat baru tersebut.

Dalam bulan Oktober, 1986, sebanyak 45 permohonan projek untuk perkilangan telah diterima oleh MIDA dari 45 permohonan **ini**, 15 merupakan projek yang mempunyai penyertaan rakyat asing.

#### ELEKTRIK - BAKALAN KE NEGARA JIRAN

22. **Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyakkah Kementerian ini mendapat hasil dari bayaran untuk bekalan elektrik kepada negara jiran seperti ke Singapura.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai sambungtara (inter-connection) elektrik dengan Singapura dan negeri Thai.

Dengan negeri Thai, jumlah pembelian dan penjualan dalam nilai wang ringgit adalah seperti berikut:-

Tahun:	Nilai:	
	Pembelian \$	Penjualan 5
1980-81	\$5,890,846	
1981-82	130,739	
1982-83	1,951,602	
1983-84	-	329,543
1984-85	-	276,555
1985-86	-	4,990,343
Jumlah:	\$7,973,187	\$5,596,441

Dengan Singapura pula, angka dari tahun 1977 sehingga ke tahun 1985 kita telah membeli elektrik berjumlah \$76,607,945. Mulai dari tahun 1986, pengiraan bayaran bagi pertukaran tenaga di antara Malaysia dengan Singapura dibuat secara kontra. Bagi mana-mana bulan di mana perbezaan penggunaan tidak melebihi 100 unit, pengiraan pembayaran balik tidak akan dibuat.

Namun demikian, di antara Februari sehingga Ogos tahun ini penjualan unit tenaga Malaysia ke Singapura, melebihi pembeliannya sebanyak 19,500 unit.

## UNIVERSITI PERSENDIRIAN

23. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada memandangkan kekurangan tempat-tempat di Universiti-universiti Tempatan dan untuk menggalakkan rakyat Malaysia supaya membelanjakan wang pelajaran mereka di Malaysia, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan institusi-institusi dan Universiti-universiti persendirian di negara kita, dan jika ya, sila senaraikan insentif-insentif dan jika tidak, sila berikan sebab-sebab.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yaug Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan penubuhan Universiti-universiti, persendirian di negara ini. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk menambahkan tempat di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan supaya lebih ramai pelajar-pelajar dapat melanjutkan pelajaran mereka. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah dengan membesarlu Kampus-kampus Induk Universiti Tempatan, menambahkan kampus pengajian baru dan menubuhkan jabatan-jabatan baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masanya masih ada Untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut dan sekarang saya jemput Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab soalan No. 16, 17 dan 18.

## PENJARA/BANDUAN YANG LARI

16. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penjara yang terdapat di negara kita ini dan di negeri mana yang ada penjara;
- (b) berapa ramaikan jumlah bilangan orang banduan di tiap-tiap penjara berkennan ditempatkan keseluruhannya;
- (c) berapa ramaikah bilangan banduan yang dapat melarikan diri dari penjara bagi tahun berikut iaitu dari tahun 1981 hingga 31hb Oktober, 1986; dan
- (d) apakah sebabnya akhir-akhir ini banduan-banduan selalu sangat dapat melahirkan diri dari tahanan, adakah ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan atau lain-lain sebab, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara ini dapat dikawal.

17. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar disebabkan kekurangan kakitangan dan keperluan-keperluan wajar di penjara-penjara di Malaysia menyebabkan kejadian banduan tahanan penjara yang merbahaya berjaya melepaskan diri; dan berapa ramaikah tahanan yang berjaya lari dalam tahun 1985 - 1986 dan apakah perkembangan selanjutnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, saya terpaksa berada di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin hari ini juga menyentuh perkara yang sama, iaitu pelarian banduan dari penjara-penjara, saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan ini segali gus.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah penjara di negara ini adalah sebanyak 21 buah, taitu di negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Mengenai jumlah banduan di penjara-penjara pula kedudukannya pada tanggal 31hb Ogos, 1986 adalah seramai 19,329 orang. Mengenai banduan yang melarikan diri dari penjara jumlahnya dari tahun 1981 hingga 31hb Oktober, 1986 adalah seramai 131 orang. Dari jumlah itu seramai 62 orang telah ditangkap semula, manakala bakinya masih dikesan.

Sebab-sebab yang membolehkan banduan dapat melarikan diri adalah seperti berikut:

- (a) bilangan banduan yang ramai di satu-satu penjara yang menyukarkan kawalan dibuat ke atas mereka; dan
- (b) kecuaian segelintir pegawai-pegawai penjara yang mengawal banduan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah pelarian banduan daripada penjara-penjara, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (a) memperkemas dan meningkatkan kawalan, pengawasan dan rondaan di kawasan penjara;

- (b) menambah bilangan pegawai-pegawai di penjara-penjara;
- (c) melengkapkan penjara-penjara dengan alat-alat pengesan yang lebih moden; dan
- (d) dalam pada itu oleh sebab ramai daripada banduan adalah penagih dadah, iaitu 23% daripada jumlah banduan yang ada, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan penagih dadah ini menjalankan hukuman dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan.

Untuk menampung pertambahan bilangan banduan, Kerajaan juga sedang membina 4 buah penjara baru di Penor - Pahang, Jelebu - Negeri Sembilan, Marang - Terengganu dan di Simpang Renggam - Johor. Apabila penjara-penjara ini siap dibina, bilangan banduan di penjara-penjara boleh diagih-agihkan dan pengawasan serta kawalan oleh pegawai-pegawai penjara boleh diperkemaskan lagi.

#### LAWATAN KE CHINA/MACAU

18. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan;

- (a) adakah Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan Peraturan-peraturan yang mengawas kemasukan rakyat Malaysia ke Negeri China;
- (b) mengapakah rakyat Malaysia yang melawat Macau diletakkan dalam senarai hitam dan mengapakah apabila mereka membaharui pasport, mereka dikehendaki supaya ditemuduga oleh Cawangan Khas; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi amalan kepada rakyat Malaysia tentang akibatnya apabila melawat ke Macau.

**Dato' Megat Juntd bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang ke-18, iaitu soalan (a), sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun dari masa ke semasa melonggarkan syarac-syarat dan peraturan bagi rakyat Malaysia yang ingin melawat Republic Rakyat China. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada masa ini Kerajaan memberi kebenaran kepada Rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China bagi tujuan-tujuan berikut:

- (a) melawat keluarga yang terdekat seperti ibu bapa, suami, isteri, adik-beradik dan anak-anak;
- (b) mendapat rawatan perubatan;
- (c) melawat pameran perdagangan Canton 2 kali setahun iaitu dalam bulan April dan Oktober;
- (d) lawatan sosial sekali seumur hidup bagi rakyat Malaysia keturunan Cina yang berumur 60 tahun ke atas; dan
- (e) lawatan ekonomi dan perdagangan oleh wakil-wakil syarikat yang berdaftar di Malaysia.

Selain daripada 4 kategori di atas Kerajaan juga ada menimbang lain-lain jenis permohonan mengikut merit tiap-tiap kes seperti berikut:-

- (a) untuk mengikut/melawat suami yang berkhidmat di Republik Rakyat China bagi tempoh yang melebihi setahun;
- (b) untuk mengambil bahagian dalam pertandingan sukan peringkat antarabangsa umpamanya badminton, basket ball, ping pong;
- (c) untuk menghadiri seminar, bengkel dan mesyuarat yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa; dan
- (d) untuk urusan rasmi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengenakan apa-apa sekatan kepada rakyat Malaysia yang ingin melawat Macau. Tindakan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkenaan hanya diambil ke atas mereka yang didapati telah melawat Republik Rakyat China melalui Macau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan.

Mengenai soalan (c) pula, Kerajaan tidak perlu memberi apa-apa amaran kepada Rakyat Malaysia, kerana rakyat Malaysia adalah bebas untuk melawat Macau.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Dalam Negeri hendak mendirikan penjara yang lebih kukuh dan dikawal dengan lebih rapi lagi memandangkan kebanyakan banduan-banduan yang semakin ganas dalam penjara yang begitu ramai, terutamanya ialah banduan-banduan yang bakal menerima hukuman-hukuman berat seperti hukuman kesalahaan penggunaan senjata **api**, yang mana hukuman yang dikenakan iaitu hukuman mati, dadah ke tali gantung dan sebagainya, kerana kita tidak mahu peristiwa penahanan 5 orang banduan di peristiwa Penjara Pudu yang berlaku baru-baru ini berulang lagi. Kerana dalam sejarah tanahair kita tidak pernah berlaku seramai 5 orang banduan menahan seorang doktor dan pembantunya.

Jadi, oleh kerana kemungkinan terlalu ramai dan kekurangnya kawalan yang rapi di atas kecuaian dan keadaan yang sesak dan berbagai-bagai. Jadi, rasa saya sudah sampai masanya pihak Kementerian menimbangkan dengan mendalam walaupun keadaan ekonomi yang meleset, keadaan yang seperti ini kita tidak boleh tangguhkan lagi demi untuk keselamatan dan kemungkinan perkara yang lebih buruh dan ditakuti Menteri pun akan dibunuuhnya nanti.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, penjara-penjara yang ada di tanahair kita ini semuanya kukuh dan memang benarlah kebanyakan banduan-banduan ini adalah ganas, tetapi masalah yang menimpa negara kita ini dengan adanya landaan penagih-penagih dan juga pengedar-pengedar dadah yang mendadak berlaku dalam masa kebelakangan ini, maka tempat-tempat yang cukup untuk banduan sudah tidak mencukupi lagi.

Bagaimanapun, masalah lari daripada penjara, masalah apa yang yang berlaku di Pudu, hari ini bukanlah satu masalah yang luar biasa, kerana ia juga berlaku di negara-negara yang telah lebih maju daripada negara kita, dengan sebab itu dengan apa yang telah berlaku **itu**, adalah satu pengajaran bagi Kerajaan dan kita akan mengambil tindakan dengan sewajarnya untuk membanteras keadaan-keadaan yang tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan demikian, masa pun cakup untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

#### USUL

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

#### **3.49 ptg.**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti di-persembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh". (2hb Disember, 1986).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya suka hendak menyatakan iaitu hari ini ialah hari penghabisan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Oleh kerana itu, saya minta Yang Berhormat Ahli-ahli meringkaskan ucapan mereka. Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sangatlah dihargai.

Untuk makluman Ahli-ahli. Yang Berhormat, di sini ada 11 orang lagi yang mahu memberi ucapan bila sahaja Haji Shaharom Maasom habis menyambung ucapan itu, jadi minta kerjasama kalau boleh potong 15 minit seorang. Kalau tidak masanya tidak cukup.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung ucapannya.

**3.30ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung semula ucapan saya semalam mengenai dengan perkara yang telah saya sebutkan di dalam beberapa potong ayat dalam Surah Al-Baqarah yang mencangangkan kepada kita mengenai dengan asal-usul Yahudi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Surah Al-Baqarah ayat 51 Allah s.w.t. telah berfirman. Ini ialah cerita bagaimana sewaktu Nabi Allah Musa dipanggil selama 40 malam, maka Bani Israel pada masa itu ditinggalkan di bawah pimpinan Nabi Allah Harun, mereka membentuk satu patung anak lembu, kemudian daripada patung anak lembu itu mereka rampas barang-barang kemas perempuan-perempuan, dilebur barang-barang kemas itu dan disalutkan kepada patung lembu itu dan disembah. Di sinilah mula punca asalnya timbulnya golongan ini mempertuhankan kepada benda. Sebab itulah sekarang ini kita lihat-kan bahawa gerakan ini ialah untuk menghapuskan fahaman-fahaman dan ajaran-ajaran agama untuk mengajak manusia mempertuhankan benda ataupun wang ringgit, dunia sanggup berperang, sanggup membunuh kerana mahu mencari kekayaan, kerana mahu menjamin generasinya menjadi manusia yang dapat menguasai ekonomi dunia. Maka sebab itulah kita menentang gerakan zionis atau Yahudi ini jika sekiranya dapat mereka bertapak di kawasan Asia, apa lagi. kalau dapat bertapak di negara jiran, maka ini akan membahayakan kepada perkembangan agama-agama, terutama sekali agama kita Islam di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap lebih panjang, jadi saya terpaksa meringkaskan beberapa perkara yang telah saya fikirkan akan saya sampaikan dalam Dewan

sewaktu membahaskan Titah Ucapan Di Raja pada petang ini. Oleh itu, saya menyokong sangat saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita di dalam mengambil tindakan menentang Zionis ini dan kehadiran Preside Israel di Singapura baru-baru ini supaya kita mengambil tindakan berhati-hati, tidak menimbulkan permusuhan di antara rakyat Malaysia dengan rakyat Singapura sebab yang kita tentang bukan rakyat Singapura, tetapi yang kita tentang ialah kehadiran Presiden Israel itu ke Singapura kerana kita khuatir ini akan membawa gejala buruk kepada perkembangan keharmonian di dalam negara kita.

Kalau saya hendak huraikan mengikut dalam tafsir Al-Quran yang saya bawa ini memang panjang, dua jam pun tak cukup. Jadi, saya pendekkan setakat itu mengenai dengan itu dan kita harus berhati-hati bahawa mengikut dalam majalah ini \$100 bilion telah diperuntukkan untuk menghancurkan Islam di Tenggara Asia. Saya tidak tahu ini sumber mana, tetapi \$100 bilion. Ertinya ura-ura ini telah bergerak dan berjalan di sekeliling kita untuk kita berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada perkara di dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja ini saya mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah memenangi pilihanraya pada 3hb Ogos yang lalu. Kepada Suruhanjaya Pilihanraya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah di atas kelicinannya menjalankan kerja-kerja pilihanraya, namun demikian masih ada sebanyak sedikit yang kurang menyenangkan orang ramai waktu pilihanraya dijalankan kerana saya telah sarankan beberapa kali supaya Buku Daftar Pengundi itu disemak semula, jangan buku daftar yang kod nombornya digunakan 20 tahun dahulu dalam pilihanraya umum yang kedua, masih digunakan

dalam pilihanraya umum yang baru lalu. Juga sistem pengiraan undi sepatutnya dijalankan lebih lancar lagi kerana tidak munasabah kalau pengundi yang keluar 30,000, tetapi keputusan pilihanraya diumumkan pukul 9.00 pagi esoknya sehingga peti-peti undi sehingga pukul 3.00 pagi belum selesai lagi dikeluarkan kertas-kertas undi untuk dipisahkan ke dalam bakul pemisah. Jadi, ini menimbulkan rungutan kepada orang ramai yang mahukan supaya pengiraan undi di dalam pilihanraya itu dapat dijalankan lebih lancar dengan menambahkan tenaga-tenaga lebih banyak dan sistemnya dapat diperbaiki kerana kita telah mengalami pilihanraya 7, 8 kali, bukan kita baru menghadapi pilihanraya. Kepada Suruhanjaya Pilihanraya, lagi sekali saya mengucapkan terima kasih dan tahniah.

Di dalam Titah Di Raja menekankan masalah perpaduan. Kalau saya bawa satu cerita, Tuan Yang di-Pertua, katalah kita ini adik-beradik, tetapi di antara kita adik-beradik ini ada yang hendak merebut pesaka, maka dia tuduh abangnya dengan tuduhan yang menyakitkan hati, tuduhan yang didatangkan daripada orang yang mengakui adik-beradik kepada saudaranya. Ini adalah satu tuduhan yang tidak baik. Ini kalau kita bawa kepada cerita keluarga. Tetapi di dalam masalah yang kita badapi baru-baru ini ialah keputusan konvensyen sebuah parti komponen Barisan Nasional yang menikam jantung hati orang-orang Melayu, menuduh orang-orang Melayu bukan pribumi. Ini adalah satu tuduhan atau satu keputusan yang tidak sepatutnya dibuat, tetapi oleh kerana orang tua kita, pemimpin kita telah mengatakan bahawa perkara ini perlu kita selesaikan, jadi kita selesaikan.

Jadi, kami bagi pihak orang-orang Melayu yang begitu tersinggung dengan keputusan **itu**, kalau saya hendak cerita sejarah, panjang sejarahnya. Kami orang-orang Melayu yang berasal daripada gugusan pulau-pulau Melayu yang dipecah-pecahan oleh penjajah; penjajah Sepanyol, Belanda, British, Portugis dan sebagainya menyebabkan kami berpisah. Sebenarnya kami adalah satu rumpun, kami tidak datang daripada satu negara ke satu negara lain. Jadi, oleh kerana perkara ini telah minta diredakan, jadi tasamuh, toleransi, lapang dada hati orang Melayu meredakan ini. Apa harapan kami, jangan cuba sarang tebuan dijolok, jangan diulangi lagi hujah-hujah yang seperti itu kerana kesabaran mungkin satu masa akan sampai kepada tahap tidak sabar lagi. Maka harapan kita untuk menimbulkan perpaduan, untuk menimbulkan keharmonian ini akan hancur. Kehancuran ini kerana ditimbulkan dari dalam kalangan kita sendiri.

Kita menerima hakikat bahawa kita rakyat Malaysia daripada berbagai keturunan, kita terima hakikat tni kita rakyat Malaysia. Jangan lagi ditimbul-timbulkan perkara yang seperti itu dan kami tidak pernah menuduh kawan-kawan kita daripada kaum-kaum lain orang pendatang. Yang kami sebut selalu 'pendatang-pendatang' ialah **pendatang haram**; pendatang haram dari Vietnam yang ada di Pulau Bidong, pendatang yang datang daripada Kampuchea yang sekarang ini ada di keliling negara kita mengambil bahagian di dalam perniagaan-perniagaan kecil; pendatang haram dari Indonesia, pendatang halal dari Indonesia yang mengambil peluang bermiaga di Jalan Chow Kit, di Kampung Pandan, Datuk Keramat, di Selayang dan sebagainya. Ini yang kami selalu sebut 'pendatang asing' Kami tidak lagi menyebut saudara-saudara kita daripada keturunan Cina dan India pendatang asing - tidak. Jadi, mengapa ini dibangkitkan?

Kita telah menerima kedatangan, kita telah menerima kedudukan saudara-saudara sebagai bangsa Malaysia keturunan cina, keturunan India dan kami bangsa Melayu menganggap kami kaum Melayu, kalau segi itu kami rugi. Kami daripada bangsa Melayu turun darjah kami kepada kaum Melayu, tetapi kerana hendak menjaga keamanan, perpaduan, keharmonian di dalam Dewan yang mulia ini, dengan ikhlas hati kami tidak akan lagi membangkitkan perkara yang seperti itu, tetapi mengapa ini dibuat dalam satu konvensyen?

Hingga sekarang ini orang-orang Melayu tidak berpuas hati selagi golongan ini tidak meminta maaf secara terbuka, tetapi kerana telah dinasihatkan oleh bapak, oleh pemimpin supaya perkara ini di selesaikan, maka kita selesaikan; cuma harapan kita supaya ini jangan diulang semula.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di dalam Dewan Rakyat telah ditimbulkan satu hujah daripada pihak Pembangkang mengatakan bahawa Dewan Negara Malaysia ini seperti tong sampah. Telah disebut oleh beberapa Ahli di hari pertama pembahasan ini. Orang yang menyebut atau Ahli Yang Berhormat yang menyebut bahawa Dewan Negara ini tong sampah telah mencabar kedaulatan Raja, kedaulatan Yang di-Pertuan Agong, Jadi, seolah-olah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang melantik Ahli-ahli Dewan Negara ini sebagai taukeh tong sampah.

Saya mencabar kepada Pembangkang yang ada di Dewan Rakyat supaya membuat usul di dalam Dewan Rakyat, membuat usul supaya Dewan Negara ini ditutup. Bawa usul, kalau berani dan Dewan Negara yang bersidang sekarang ini hendaklah mengutuk sekeras-kerasnya ucapan yang dibawa oleh seorang Pembangkang dalam Dewan Rakyat yang mengatakan Dewan Negara ini tong sampah [**Tepuk**].

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti membuat persetujuan bahawa kita mengutuk ucapan yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada masa, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap lebih panjang, saya terpaksa memotong beberapa perkara yang saya telah siapkan, yang telah saya fikirkan untuk saya sampaikan dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja ini.

Mengenai dengan serangan dadah, mengenai dengan ancaman dadah dan sebagainya, mengenai dengan pengangguran, tanah terbiar dan sebagainya, banyak cerita yang kita boleh bahaskan di dalam Dewan ini. Satu badan sukarela yang ada di dalam negara kita ini yang dianggotai oleh lebih daripada 120,000 yang perlu mendapat pandangan dan perhatian daripada Kerajaan iaitu Perkumpulan Budak-budak Pengakap. Perkumpulan Budak-budak Pengakap ini tidak dapat bantuan daripada mana-mana pihak. Jadi, saya menyeru, saya memohon jasa baik Kerajaan supaya memberi satu peruntukan \$5 juta atau \$6 juta kepada perkumpulan pengakap seluruh negara ini untuk menjalankan kegiatannya, terutama di dalam mengawal belia-belia supaya jangan terus terjerumus kepada dadah, jangan terjerumus kepada anasir-anasir konsert rock dan sebagainya. Ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon jasa baik Kerajaan, sungguhpun zaman meleset, tetapi kalau \$5 juta; dengan adanya potongan gaji dan elaun Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri yang disebutkan semasa Soal Jawab hari semalam, boleh dibantukan kepada pertubuhan pengakap yang jumlahnya hampir \$4 juta itu.

Mengenai dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Daripada maklumat-maklumat yang saya terima daripada jemaah haji yang balik pada musim yang lalu, Alhamdulillah makin baik dan jemaah merasa agak selesa dengan adanya muassah yang dikehendaki oleh Kerajaan Saudi Arabia. Namun demikian, ada sedikit rungutan daripada jemaah haji iaitu mengenai dengan pegawai-pegawai kebajikan yang dihantar oleh Tabung Haji, sampai ke Mekah mereka ini hilang, tidak nampak. Jadi, ini tolong pihak Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian untuk memberitahu kepada Tabung Haji supaya harapan jemaah haji yang 25,000 - 26,000 orang itu tidak akan timbul rungutan yang seperti

ini di masa yang akan datang, iaitu pegawai-pegawai khas yang dipilih oleh Tabung Haji untuk membantu menyelia jemaah-jemaah kita, membantu amir-amir yang mengetuai 40 orang jemaah itu dapat berjalan dengan baik.

Satu masa dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pada masa itu Yang Berhormat Dato' Musa Hitam di dalam satu Seminar Kadi-kadi Seluruh Negara di Kelana Jaya mengumumkan bahawa taraf kadi-kadi atau hakim syarak ini akan dinaikkan kepada taraf majistret. Adakah ini telah dijalankan atau belum kerana ini telah berlalu  $3\frac{1}{2}$  tahun yang lalu. Jadi, harapan ini supaya dapat dikaji semula supaya rancangan yang baik itu, untuk meningkatkan taraf hakim-hakim Mahkamah Syariah itu setaraf dengan majistret di Mahkamah-mahkamah Daerah dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana ini kemungkinan tidak akan melibatkan belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai dengan apa yang disarankan di dalam Soal Jawab kita dalam Dewan ini mengenai dengan bahasa ibunda. Nampaknya ada sedikit pertentangan pendapat di antara Menteri dengan Timbalan Menteri di dalam memberi penjelasan mengenai dengan bahasa ibunda.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menerangkan bahawa bahasa ibunda kita sekarang ini ialah Bahasa Malaysia, tidak ada lagi bahasa rumpun kaum. Jadi, ini perlu kita tegaskan di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita yang nanti apabila kita pindah kepada kurikulum-kurikulum baru supaya ini tidak menimbulkan rasa syak-wasangka di dalam kalangan rakyat kita yang datangnya daripada berbilang keturunan, berbilang kaum ini tadi. Sepatutnya penjelasan-penjelasan yang baik daripada pihak Kerajaan dapat disampaikan kepada pihak orang ramai, kepada pencinta bahasa, kepada peminat-

pemtnat perkembangan bahasa supaya dapat dijalankan, dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Kekurangan guru. Saya hari semalara membaca berita mengenai dengan kenaikan pangkat 6,000 lebih guru oleh Menteri Pelajaran. Sa a ucapan tahniah kepada 6,000 lebih guru-guru yang dinaikkan pangkat daripada berbilang kedudukan dan kategori. Apa yang kita harapkan ialah apabila berlaku kenaikan pangkat yang seperti ini kita harapkan khidmat guru-guru kepada masyarakat, kepada anak-anak murid akan semakin meningkat. Jadi, apabila berlaku kenaikan pangkat 6,000 guru, kalau kita ada 7,000 buah sekolah; hampir daripada semua sekolah itu akan mendapat guru baru yang naik pangkat. Jadi, diharapkan khidmat mereka akan berlipat ganda dan kita tidak raahu dengar lagi nanti suatu masa murid darjah VI tak tahu hendak menulis namanya sendiri. Kita tidak mahu apabila murid sekolah rendah naik ke tingkatan satu sekolah menengah tak tahu Hendak menulis namanya sendiri, Kita tak mahu ini berulang. Apa lagi apabila peperiksaan Penilaian Darjah V akan dihapuskan dan akan diganti dengan satu cara baru. Jadi, ini nanti akan timbul pula soal jawab di situ, kenapa peperiksaan ini dihapus, kenapa diganti baru; kerana ada masalah,

Yang kita tahu sekarang ini dengan adanya peperiksaan Penilaian Darjah V, mereka berlumba-lumba dalam usaha belajar kerana hendak mengejar mendapat 5A. Apabila sudah banyak yang lulus 5A, tidak ada tempat hendak diantar ke sekolah berasrama penuh; maka ditukar pula sistem itu. Jadi, ini orang ramai, ibu bapa di kampung-kampung, di desa-desa tertanya-tanya mengapa keadaan yang seperti ini berlaku. Namun demikian, penjelasan daripada Kementerian Pelajaran diperlukan melalui media-massa, melalui TV, radio, suratkhabar, perlu diterangkan

kan supaya ibu bapa dapat menerima peralihan itu dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita memperlihatkan perkembangan PETRONAS, saya bangga kerana kita pergi ke mana-mana sekarang ini ada stesen PETRONAS. Tetapi apa yang saya dukacita sedikit, tindakan ini ialah mengapa PETRONAS di dalam memberikan lesen kepada wakilnya tidak memeriksa lebih dahulu kerana kedapatan seorang yang menghentam Kerajaan, yang menghentam PETRONAS bermati-matian, orang itu diberi sebagai wakil PETRONAS. Ini mendukacitakan. Sebagai orang yang mendokong Kerajaan, saya merasa hampa kerana pemohon-pemohon di situ ada dari orang yang mampu dari penyokong Kerajaan.

Sewaktu hendak diadakan pemeriksaan papan kenyataan parti orang ini diturunkan. Apabila sudah dapat balik, papan kenyataan pasang balik. Ini tidak patut, ini tidak patut sama sekali. Sepatutnya PETRONAS bertanya dengan Wakil Rakyat di kawasan itu apakah latar belakang orang ini. Saya bukan prejudice kepada orang itu boleh kaya dengan jadi wakil penjual minyak, tidak. Tetapi kerana hampa dengan sikap tidak bertanya kepada Wakil Rakyat di tempat itu. Orang ini bermati-matian menghentam Kerajaan, menghentam PETRONAS, tiba-tiba orang ini diberi. Adakah dengan itu orang itu akan senyap tidak, Orang ini lebih rancak lagi menghentam Kerajaan. Tengok aku yang menghentam Kerajaan pun aku dapat, engkau dapat apa? Malu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini patut PETRONAS betulkan. Dan kalau pihak PETRONAS mahu tahu boleh berhubung dengan saya dan kalau saya hendak terangkan sekarang, saya boleh terangkan.

Tuan Yang di-Pertua, belia yang menganggur, Sekarang ini kita bercakap dengan guru yang naik pangkat 6,000 lebih. Kekurangan guru kita banyak. Guru Sains Tulen, Sains Perdagangan, Sains Pertanian dan sebagainya. Apabila saya pergi ke beberapa buah sekolah menengah bertanya dengan guru besar, sekarang pengetua sekolah menengah, ada kekurangan guru. Di dalam Dewan yang mulia ini pernah saya bertanya kepada Menteri Pelajaran pada masa itu yang kalau kita menghadapi kekurangan guru yang begitu banyak kerana maktab-maktab perguruan kita ini tidak cukup menampung untuk melatih bakal-bakal guru yang telatih, tidak bolehkah Kerajaan mengeluarkan satu kebenaran atau lesen kepada orang-orang perseorangan atau syarikat untuk menujuhkan satu maktab perguruan swasta. Jawapan pada masa itu dikatakan soalan ini baik dan ada meritnya, boleh dilaksanakan.

Saya tunggu sampai sekarang, tidak ada apa-apa.

Sekarang ini beribu-ribu anak-anak kita yang keluar dari 5 Pusat Pengajian Tinggi, daripada UM, UKM, UTM, USM, UUM. Yang balik daripada luar negeri tidak tahu beberapa ribu. Sekarang sudah meningkat kepada jumlah hampir 10,000 saya rasa. Anak-anak kita yang telah lulus sarjana muda, sarjana balik daripada luar negeri, tetapi tidak dapat peluang bekerja. Saya berterima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana membuat peruntukan \$15 juta untuk memberi kerja sementara. Tetapi jawapan yang diberi dalam Dewan Rakyat, kalau tidak salah saya dengar, peruntukan itu sudah habis, tidak cukup, tidak dapat hendak sambung. Sekarang ini kita ada kekurangan banyak guru. Jadi, kalau anak-anak kita yang keluar daripada Pusat Pengajian Tinggi tadi kita serapkan mereka kepada guru kerana mereka sudah lulus sarjana muda. Kemudian untuk mendapatkan diploma pendidikan sewaktu cuti sekolah, diantar mereka ini mengambil kursus untuk mendapat diploma pendidikan.

Seperti yang disebutkan tadi bahawa perbelanjaan mereka ditanggung, Kerajaan tidak mampu kerana kita tahu zaman meleset, Kerajaan tidak mampu hendak beri makan percuma, tempat tidur percuma. Jadi, kalau mereka ini sudah bekerja, mereka hendak mengambil diploma pendidikan, untuk mendapat diploma dengan belanja yang tidak banyak, barangkali mereka sanggup. Jadi, daripada kita biarkan anak-anak kita ini menjadi penganggur kehormat, penganggur berijazah, kalau penganggur yang gagal SRP, SPM memang sudah banyak. Sekarang ini penganggur berijazah. Masalah yang dihadapi oleh negara, kita sedar. Tetapi saya percaya kalau ini dapat diterima oleh pihak Kerajaan mengambil anak-anak kita yang telah keluar

daripada Pusat Pengajian Tinggi ini diserapkan kepada tempat yang kekurangan guru tadi sedikit sebanyak dapat menyelamatkan anak-anak kita.

Kemudian masalah sekarang ini timbul di merata tempat, tepi jalan setelah diadakan kempen panjat pokok kelapa. Kebetulan tempat itu dibuat di tempat saya pula, di Morib. Orang kita pun sudah lupa panjat pokok kelapa, Tuan Yang di-Pertua. Baru naik separuh, turun balik. Menggelunsur, fasal sudah lama tidak panjat. Jadi, apabila sudah ada pertandingan panjat pokok kelapa, menggalakkan minum kelapa muda, bagus, saya bersetuju. Cuma saya hendak nasihat orang lelaki jangan suka minum air kelapa muda, lutut longgar. Jadi, mana khasiatnya air kelapa muda, saya tidak tahu. Tetapi Yang Berhormat Menteri Pertanian menggalakkan, saya setuju kerana apabila kelapa muda diturunkan, kelapa yang tua kurang harga akan naik, betul.

Saya balik ke Batu Pahat, balik ke Benut, balik ke Renggit, memang ada kelapa sudah naik, bagus. Tetapi hendaklah kita berhati-hati, kerana kalau kita balik daripada Dewan ini menuju ke Klang di Batu 3, Batu 4 sekarang kita tengok kelapa muda berlonggok, macam busut. Saya takut kelapa muda telah terjemur di udara panas dua tiga hari, ia akan mendidih di dalam. Ia akan menjadi cuka. Apabila diminum, bahaya. Bukan lutut sahaja longgar, usus longgar. Sebagai penjual ia tidak kira, kelapa 3 hari pun dia kata baru sampai; Encik mahu, potonglah, tetapi kalau sudah terjemur 3 hari, bahaya. Ini pihak Kesihatan tolong kaji. Tolong kaji perkara ini, benarkah atau tidak dakwaan saya ini. Jangan dakwaan Haji Shaharom di Dewan ini tidak benar. Jadi, saya tidak mahu. Kaji dahulu

betul-betul bahawa kelapa muda yang terjemur dua hari di tepi jalan, di mana-manalah, di tempat-tempat kita tengok ada warong, dibuat kajian supaya jangan esok timbul pula wabak minum air kelapa masam, kita tidak mahu perkara itu timbul.

Kemudian baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertanian melancarkan minum susu segar'. Ini bagus, orang laki-laki patut minum banyak-banyak. Tetapi masalanya apabila minum susu segar digalakkan, kebanyakan lembu-lembu tenusu yang diberi kepada penternak-penternak kecil di kampung-kampung sekarang sudah banyak yang telah tutup perusahaan mereka. Masalahnya dedak mahal, rumput tidak ada, macam-macam cerita. Banyak lembu tenusu yang dihantar ke kampung seekor, 2 ekor untuk menambahkan pendapatan tadi hari ini sudah banyak perusahaan kecil itu ditutup.

Sekarang baru digalakkan hendak minum susu segar. Jadi, susu yang hendak dibawa, sebab saya tengok di Kuala Langat, tempat saya sendiri, Land Rover daripada Jabatan Haiwan yang mengutip susu itu sudah tidak selancar dahulu. Kalau dahulu dia bergerak 24 jam mengutip susu yarig diletak di tepi jalan, di dalam tong, dalam balang, hari ini sudah tidak selancar itu. Itu menandakan susu lembu itu telah berkurangan dan mereka yang berusaha dalam hal ini sudah berkurangan. Jadi, ini patut kita kaji balik dan kempen minum susu segar ini memang amat baik untuk kesihatan, kita setuju. Tetapi macam mana hendak membanyakkan susu segar ini kepada rakyat dengan harga murah supaya orang kampung juga anak-anak sekolah boleh minum susu segar. Ini caranya yang kita perlu, satu penyelesaian yang baik daripada pihak Kerajaan.

Ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya sudah banyak lewat.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tidak lewat jugalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri 5 minit lagi.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Ada 5 minit lagi. Kalau begitu, saya hendak menutup perbahasan saya mengenai dengan Titah Ucapan Di-Raja **ini**, dan saya minta semua pihak dalam negara kita terutama pemimpin-pemimpin politik di dalam komponen Barisan Nasional supaya kita betul-betul merapatkan rasa persaudaraan, rasa persefahamankita di dalam Barisan Nasional untuk mewujudkan satu corak kepimpinan yang akan membawa rakyat kepada satu arah Malaysia yang membangun, Malaysia yang maju, Malaysia yang harmoni, Malaysia yang tidak ada gaduh-gaduh, Malaysia yang tidak ada di dalamnya rasa kecil hati. Kita membawa ke situ.

Saya membawa kepada ucapan saya semalam, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya menerima waris daripada pemimpin-pemimpin yang telah berjuang 400 tahun untuk membebaskan negara kita daripada penjajah. Kita sudah merdeka, kita hendak betulkan haluan perjalanan kita, jadi duduk sama-sama dalam satu perahu, jangan main siku, kalau main siku, perahu oleng, apabila perahu oleng, kemudi patah, maka jadilah macam lagu yang masyhur di Sarawak 'Lancang Kuning', Lancang kuning belyar malam, tidak nampak haluan dan dilanggar batu karang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berpantun, bangau oh bangau lagi. Malu saya hendak cerita lama. Tetapi kesan ini balik semula kepada masyarakat kita yang mengaku kita sudah merdeka 30 tahun, malu. Kalau kita sudah merdeka 30 tahun kita boleh tengok, kita boleh kaji dalam Penyata Ekonomi, kita tengok setakat mana yang belum kita tampak. Ini cara-cara yang hendak kita atasi bersama-

sama di dalam Dewan Negara ini, atau ahli-ahli mesyuarat ini berbincang, tukar fikiran sepermata doa yang dibaca oleh Setiausaha Dewan untuk mendapat taufik dan hidayah daripada Tuhan, Tuhan saya orang Islam daripada Allah, saudara yang tidak beragama Islam mempunyai Tuhan, dari Tuhan sendiri memberi taufik dan hidayah kepada kita untuk melapangkan fikiran kita, melapangkan hati kita mencari jalan baik untuk faedah bangsa. Kita bangsa Malaysia, negara kita negara Malaysia berpedoman kepada prinsip Rukunegara yang telah kita terima semua dengan lagu Negaraku yang kita nyanyikan selalu. Kita tanamkan semangat ini kepada anak-anak kita, kepada keturunan kita di masa yang akan datang. Insya Allah, Allah Taala akan merestui doa kita itu.

Tetapi kalau dalam berdoa, dalam hati kita juga menjadi hati yang munafik, hati yang hypocrite, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pergi jahanamlah, kita akan hancur dari dalam, hancur daripada tangan kita sendiri. Sebab itu dalam Al-Quran Allah s.w.t memperingatkan kepada kita "Wala tuluku biaidikum ilatahlukah" yang bermaksud: Jangan kau jerumuskan dirimu atau tanganmu, jangan masukkan dalam kehancuran, kebinasaan -jangan, hati-hati. Inilah kita perlu berwaspada supaya kita jangan terjerumus kepada kehancuran, kebinasaan yang kita buat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Usul yang dibawa di dalam Dewan ini untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli di dalam merasmikan Penggal Pertama Parlimen Ketujuh pada 7hb. Oktober, 1986. Sekian terima kasih.

#### **4.00 ptg.**

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyertai perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pilihanraya sebagai kebiasaan kritikan-kritikan terhadap dasar-dasar Kerajaan begitu lantang sekali disuarakan oleh pihak Pembangkang terutamanya Dasar Ekonomi Baru dan perlaksanaannya dan beberapa isu penyelewengan yang lain. Dalam masa yang sama juga mulalah keadaan hubungan kaum bertambah meruncing kerana parti-parti Pembangkang yang memang cenderung mengapi-apikan perasaan ketidakselamatan dan kecemasan bagi

mendapatkan undi. Apa yang menarik dan harus diberi perhatian oleh semua lapisan rakyat terutama dunia luar, Kerajaan kita telah menunjukkan toleransi dan kematangannya untuk memberikan rakyatkebebasan bersuara. Walau apapun yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, keputusan pilihanraya yang baru lalu menunjukkan bahawa Barisan Nasional mendapat sokongan rakyat yang amat kukuh. Dalam lain-lain perkataan dasar-dasar yang dipertikaikan oleh pihak Pembangkang telah diterima baik oleh rakyat sebagai dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara dan rakyat keseluruhannya. Negara ini tidak sahaja berjaya di dalam pilihanrayanya, tetapi berjaya memelihara sistem demokrasinya.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan orang ramai untuk memperkatakan tentang dasar-dasar yang dapat diterima atau yang tidak dapat diterima adalah petanda baik bahawa Kerajaan telah menggalakkan rakyat bersuara dan mengambil bahagian di dalam hal ehwal kebijakan negara.

Malaysia sekali lagi menunjukkan kematangannya mengendalikan kebebasan berpolitik. Rakyat perlu mempunyai hak mengkritik dan memberi pandangan bilamana dirasakan kesilapan yang berlaku dan Kerajaan berhak mempertahankan kebenarannya. Perbezaan pendapat antara rakyat dengan Kerajaan memang tidak dapat dielakkan, tetapi ia harus diterima sebagai hak yang sah perbezaan dan perselisihan pendapat dalam menilaikan sesuatu dasar Kerajaan seharusnya berakhir dengan perdebatan dan perbincangan dan wajarlah dilihat sebagai sebahagian dari proses membangun masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya selepas pilihanraya kewujudan polarisasi kaum semakin meningkat, semakin ketara dan terus digendang-gendangkan sehingga ia menjadi istilah besar. Sepatutnya isu-isu yang telah kita timbulkan sebelum pilihanraya hanya merupakan pengembangan nilai-nilai demokrasi yang tulen dan bukan untuk

memudaratkan keadaan. Sebagai sebuah negara majmuk tindak-tanduk politik extreme dan berunsur puasangka serta emosional adalah suatu amalan politik yang tidak sihat. Kecenderongan ini bukan sahaja boleh melemahkan organisasi itu sendiri, tetapi boleh melemahkan pengembangan nilai-nilai demokrasi yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkitkan oleh parti-parti politik yang mencerminkan kecenderungan kepada kepentingan-kepentingan perkauman seharusnya dipandang sebagai perkara sensitif dan adalah racun yang memusnahkan perpaduan rakyat. Jalan keluar dari bahaya ini iaitu kita hendaklah berusaha dan mempertahankan pendekatan-pendekatan yang bercorak berbilang kaum dalam politik negara. Membangkitkan hak sesuatu kaum, bahasa dan agama hendaklah dihindarkan kerana ia terlalu menusuk perasaan. Untuk memberhentikan polarisasi kaum yang sedang meningkat, Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah segera menghentikan ucapan politik yang berbau perkauman.

Sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti-universiti merupakan agensi-agensi hidup bermasyarakat yang dianggap penting.

Adakah telah kita kaji sama ada kita gagal atau berjaya mempukuk kesedaran untuk menghapuskan perasaan perkauman? jikalau kita gagal maka ternyata polarisasi kaum ini sudah mula tersemai di institusi-institusi ini. Dan apakah acara harian yang berlandaskan kaum itu harus dibiarkan berleluasa dan berakar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah bahawa isu hak peribumi yang dipertikaikan walaupun ia dibangkitkan dengan perasaan yang panas, tetapi masih ada kepala yang dingin dapat menerimanya dan ia berakhir dengan satu pengertian bahawa dalam sebuah masyarakat majmuk, semangat tolak-ansur antara kaum hendaklah menjadi pegangan dalam menyelesaikan sesuatu masalah negara.

Sepatutnya perkara yang tidak mesti ditimbulkan kerana sejarah-peribumi rantau ini amat jelas dan tidak kabur, sejarah peribumi rantau ini seharusnya dijadikan asas untuk semua kaum hidup bersama. Mempertikaikan sejarah rantau **ini**, ini bererti kita menjemput bahaya dalam hidup kita. Parti-parti yang berasaskan bukan Melayu mestilah menerangkan latarbelakang negara dari segi sejarah dan kebudayaan kepada penyokong-penyokongnya terutama sekali kepada jenarasi muda yang berhubung dengan status peribumi di dalam pentadbiran dan pelajaran dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Oleh kerana faktor sejarah begitu jelas, keadilan menuntut agar Bahasa Malaysia atau bahasa Melayu dan Islam memenuhi peranan yang lebih bermakna daripada bahasa dan agama yang lain.

Ini tidak bermakna penggunaan dan pembelajaran bahasa-bahasa lain tidak penting tetapi Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan atau bahasa kesatuan atau bahasa ibunda negara hendaklah tidak dikurangkan dengan apa cara sekali pun. Dalam hal yang sama, parti-parti Melayu atau parti-parti Bumiputera patut menjelaskan bahawa bahasa, kebudayaan dan agama kaum-kaum yang lain adalah sebahagian daripada negara Malaysia. Dari pandangan adil dan berpergi kemanusiaan, mereka juga mempunyai hak untuk wujud dan berkembang sebagai rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulangi, bahawa sejarah peri bumi rantau ini seharusnya menjadi asas panduan untuk kita hidup bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan kita bahawa negara sedang menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab dan buruk. Pendapatan negara berkurangan, eksport barang utama menghadapi pasaran yang lembab maka sebab itu Kerajaan berusaha menarik lebih banyak pelaburan asing menanam modal di negara kita, sehingga boleh memiliki saham 100%, ini menandakan kita benar-benar memerlukan tanaman modal asing di negara kita untuk menggerakkan ekonomi kita. Di sebalik itu kita kenalah berhati-hati dalam sebarang pengucapan kita, sebagaimana amanat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar tindak tanduk kita tidak menakutkan para pelabur asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita bersetuju bahawa kita harus mempunyai dasar luar yang cergas, berani dan lantang demi kepentingan kedaulatan dan maruah bangsa, tetapi kita jangan lupa kita akan menjadi pemain squash, menghentam bola ke arah tembok

batu dengan kuat, bola semakin kuat menuju ke arah kita dan berakhir kita yang menjadi sasaran bola yang kita pukul sekuat hati kearah tembok tadi. Akhirnya, kita yang kalah bermain dengan tembok,

Tuan Yang di-Pertua, kelantangan suara Malaysia di arena politik antarabangsa sangat mengagumkan. Tetapi ia haruslah dinilai semula sama ada kelantangan kita itu memberi keuntungan baik di segi politik mahupun di segi ekonomi atau sebaliknya. Di masa ini Malaysia adalah menjadi sasaran dari berbagai penjuru dengan cara halus, seakan-akan tidak terasa oleh kita. Tetapi berbuatan mengusik atau sengaja mengusik negara ini amat ketara, sudah dilakukan ke atas negara kita. Misalnya, Malaysia sebagai sebuah negara Islam cuba dijadikan tempat persidangan antarabangsa oleh agama lain. Lawatan Perdana Menteri Israel satu perbuatan mengusik. Keenggaan negara jiran sengaja tidak memahami perasaan negara kita terhadap Zionism adalah juga satu perbuatan mengusik. Mungkinkah perkara ini sengaja dirancang oleh gergasi-gergasi dunia dalam permainan mereka di sebalik tabir? Apakah itu akibatnya suara kita begitu lantang di arena politik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercadang sesuai dengan dasar kita Pandang ke Timur, untuk melihat bagaimana orang-orang Jepun membongkok ketika berhadapan dengan kawan atau lawan. Membongkok bukan kerana lemah atau takut tetapi satu tradisi bahawa di sebalik lemah-lembutnya itu di situlah letaknya kekuatan bangsa Jepun. Saya teringat kata orang tua-tua zamun dahulu, 'bersuara keras tidak akan dapat menanggalkan gigi seseorang **itu**. Mungkin suara yang lembut dan lunak boleh mengeluarkan air mata. Saya berpendapat kalau dicuba formula ini mungkin kita akan dapat menarik pelabar asing datang melabur ke negara kita walaupun dengan pemilikan saham

dikurangkan sehingga 80%.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud bahawa keengganan para pelabur asing melabur di negara ini semata-mata disebabkan atas dasar luar negeri kita yang lantang. Ada faktor lain yang difikirkan telah menambah kesulitan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Tindak-tanduk politik ekstrim, pertikaian mengenai Dasar Ekonomi Baru, membangkitkan soal hak peribumi, bahasa dan agama telah dieksploitasi oleh media asing untuk memburukkan lagi keadaan. Jikalau kita hendak pertumbuhan ekonomi kita bergerak aktif dengan penyertaan pemodal-pemodal asing, parti-parti politik negara ini hendaklah menghindarkan isu-isu seumpama itu supaya kita dapat meyakinkan negara-negara luar tentang kestabilan politik negara kita. Kestabilan politik lazimnya menjadi penilai utama bagi para pelabur untuk menanam modal.

Tuan Yang di-Pertua, faktor lain yang harus diambil kira dalam menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lambat dan sebagai sebuah negara yang berorientasikan barang ekspor harus juga ditinjau kesan tindakan kita mengusir wartawan luar yang dibuat secara tergesa-gesa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi,

**Tuan R. M. Jasni:** Ada sedikit lagi. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, saya tidak bercadang supaya apa yang orang buat kepada kita, kita biarkan mereka melakukan sesuka hati. Kita patut menentang sesiapa juga yang memburuk-burukkan imej negara, lebih-lebih lagi mereka warganegara asing yang suka mencampuri urusan politik negara kita. Begitu pun, dalam tindakan kita membela negara, janganlah dilakukan secara terburu-buru, terutama sekali pihak Kementerian yang bertanggungjawab. Sungguhpun di negara kita

Eksekutif dan Legislature mempunyai hubungan antara satu sama lain tetapi Kehakiman adalah bebas sepenuhnya di negara kita. Lihatlah apa telah jadi dengan pengusiran dua orang wartawan Asian Wall Street Journal, bulan September lalu, apabila dihadapkan ke mahkamah, Kerajaan yang mendapat tampanan malu. Sepatutnya pengusiran tersebut hendaklah diperincikan dengan **teliti**. Pertama, masyarakat Barat mudah dipengaruhi oleh medianya. Kalau tindakan kita dilakukan secara berhati-hati, akhbar-akhbar Barat tidak akan mengecam dan menyindir kita begitu hebat. Kedua, pengusiran itu berlaku ketika Perdana Menteri kita sedang menghadiri persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan di samping berusaha untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing melabur ke negara ini. Tidakkah tindak-tanduk Kementerian yang berkenaan menyulitkan lagi tugas Perdana Menteri untuk mendapatkan pelaburan asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk memberi tahu Dewan ini, bahawa terdapat banyak rungutan pelanggan telefon di Kota Kinabalu, terutamanya syarikat-syarikat besar yang mengatakan talian telefon mereka digunakan atau dikongsi oleh orang lain, menyebabkan bil mereka terlalu tinggi dibandingkan dengan panggilan yang mereka buat. Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan adakah kemungkinan perkara ini boleh berlaku. Jikalau ya, tidakkah Kerajaan atau Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menjalankan penyiasatan yang menyeluruh dan adakah Kementerian mengadakan peraturan-peraturan ketat supaya kejadian ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin ada sedikit lagi. Seorang pengilang padi di daerah saya telah menemui saya bertanya mengapa permohonan pemberian subsidi padi yang dibuat sejak dari bulan Mei, 1985 sehingga bulan ini belum dapat apa-apa berita sama ada dapat diluluskan atau tidak. Saya faham bahawa dalam keadaan ekonomi negara sekarang memang sukar untuk meluluskan semua permohonan tetapi apa yang penting rakyat hendaklah diberitahu segera sama ada permohonannya berjaya atau tidak. Memproses sesuatu permohonan, saya rasa tidaklah seharusnya mengambil masa lebih setahun tidak dapat diselesakan. Perkara-perkara seperti inilah yang harus diberi perhatian oleh Jabatan-jabatan Persekutuan kerana bagaimana kita dapat mengintegrasikan perasaan orang-orang Sabah jikalau permohonan seumpama ini mengambil masa sampai setahun untuk memproses.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa jalan-jalan balak yang penting bagi perkembangan Sabah terutamanya jalan-jalan balak yang menghubungkan antara kawasan pendalaman, Keningau dengan kawasan-kawasan pantai timur Tawau dan pantai timur Sandakan hendaklah diambil alih oleh Kerajaan pusat sebagai lebuhraya selepas sahaja syarikat-syarikat balak selesai mengusahakan balak di kawasan itu.

Pengambilan alih secara lebih awal jalan-jalan tersebut tidak sahaja mengekalkan hubungan yang sedia ada sekarang tetapi Kerajaan boleh menjimatkan berjuta-juta ringgit untuk membina semula apabila jalan-jalan tersebut diambil alih setelah bertahun-tahun ditinggalkan. Kawasan-kawasan yang disebutkan ini merupakan kawasan-kawasan penting bagi perkembangan Sabah di segi pertanian dan penempatan semula.

**Tuan Yaag di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, sudah lebih banyak diberi.

**Tuan R.M. Jasni:** Terima kasih, ada sedikit lagi, tetapi apa boleh buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri pula peluang kepada orang lain. Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap.

#### **422 ptg.**

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita selidik keseluruhan isi ucapan yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka banyak perkara-perkara yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda. Di antaranya Kerajaan akan terus mengeratkan lagi perpaduan rakyat, menambahkan rumah-rumah kos rendah, menyarankan walaupun kita Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai kebebasan menyuarakan sesuatu isu di Dewan ini tetapi hendaklah dilakukan dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana dan sebagainya, saya memberi kesimpulan boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan atas pembinaan rumah-rumah yang saya jelaskan tadi. Satu berhubung dengan pembinaan atas persendirian, Kedua, atas syarikat-syarikat yang tertentu. Dan ketiga usahasama dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri.

Di sini saya menarik perhatian berhubung dengan pembinaan rumah-rumah usahasama dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri dengan syarikat-syarikat yang tertentu. Kita memikirkan Perbadanan Kemajuan Negeri ini adalah satu agensi Kerajaan yang boleh melaksanakan rupa bentuk rumah sama ada rumah kos rendah atau sebagainya tetapi banyak telah gagal dan terbengkalai apabila kita perhatikan banyak rumah-rumah kos rendah ini terbengkelai dan mengapakah boleh menjadi demikian.

Maka saya merasai terdapat beberapa kelonggaran di dalam perjanjian di antara pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dengan syarikat-syarikat yang tertentu. Misalnya ada di antaranya yang syarikat-syarikat itu tidak mempunyai modal yang cukup untuk membina rumah-rumah yang diamanahkan kepada mereka. Satu lagi barangkali setelah amalan biasa yang dibuat oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri apabila mana-mana syarikat yang berkehendakkan pembinaan rumah-rumah sama ada di taman-taman perumahan dan sebagainya mereka cuma mengenakan bayaran 10% sahaja daripada harga rumah, harga tanah yang dibina itu, misalannya kalau harga tanah itu dikira berharga \$1 juta cuma syarikat itu membayar \$100,000 dan tanah itu boleh digadaikan kepada bank. Ini telah berlaku yang boleh menyebabkan kebanyakan rumah-rumah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri telah gagal.

Jadi dengan ini saya mencadangkan yang pertama sekali bayaran sebanyak 10% daripada harga tanah yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang tertentu, kemudian tanah kepunyaan Perbadanan ataupun Kerajaan Negeri yang boleh digadaikan oleh syarikat, maka hendaklah dibatalkan.

Selain daripada itu rumah-rumah boleh didirikan tanpa cagaran-nya dalam masa-masa yang tertentu. Dengan ini kita boleh mendapati apabila syarikat-syarikat mendirikan rumah-rumah dengan tidak ada mempunyai kewangan yang cukup, maka itulah yang menyebabkan rumah-rumah yang didirikan tidak begitu sempurna dan kadang-kadang berjalan separuh masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu adalah dicadangkan sekiranya kalau sesuatu kawasan yang begitu banyak ataupun yang begitu luas untuk mendirikan kawasan-kawasan perumahan maka perlu pihak yang berkenaan menentukan beberapa Fasa untuk melaksanakan projek-projek yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka mengambil perhatian berhubung dengan kekurangan guru-guru terlatih dalam Bahasa Malaysia ataupun kekurangan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris. Apa yang kita ketahui untuk mendapatkan guru-guru terlatih dalam Bahasa Malaysia agak lebih mudah daripada mendapatkan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris, kerana di zaman sekarang ataupun di waktu ini sekolah-sekolah Kerajaan khususnya dalam negara Malaysia ini semuanya menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia. Dan lagi semua Maktab Perguruan mata-mata pelajaran yang diajar di maktab menggunakan Bahasa Malaysia.

Jadi, ini saya merasai untuk mendapatkan guru Bahasa Malaysia ataupun guru terlatih dalam Bahasa Malaysia tidak begitu sukar sekiranya kalau kita hendak membandingkan mendapatkan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris kerana untuk mendapatkan guru terlatih dalam bahasa Inggeris, pertama sekali di negara kita ini

tidak ada sekolah yang bahasa pengantar bahasa Inggeris. Dan lagi kalaupun ada mata-mata pelajaran yang diajar di sekolah dalam bentuk bahasa Inggeris cuma berdasarkan mata pelajaran sahaja. Dengan ini saya merasai dalam masalah untuk mendapatkan guru-guru terlatih dalam Bahasa Inggeris ataupun bahasa Malaysia diambil daripada guru-guru bersara.

Usaha ini saya rasa dari segi jangka pendek agak sesuai, tetapi dalam jangka panjang sukar kita hendak mendapatkan dari segi bentuk kerja yang baik dari semasa ke semasa. Dengan ini untuk mengatasi dan mendapatkan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris ataupun dalam Bahasa Malaysia, yang pertama sekali, Kementerian Pelajaran harus mengkajidengan mendalam bagi keperluan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia. Sekiranya kita dapat ketahui berapa ramai keperluan guru-guru terlatih yang diperlukan untuk Bahasa Malayaia ataupun bahasa Inggeris, maka kita boleh mengadakan satu kursus khas ataupun kursus dalam masa cuti persekolahan bagi guru-guru yang telah tamat latihan perguruan, sama ada menjalani latihan perguruan selama dua tahun ataupun tiga tahun.

Kalau kita telah dapat guru-guru yang telah tamat latihan perguruan dan kita memberikan latihan khas kepada guru-guru **itu**, maka Kementertan Pelajaran bolehlah mengiktirafkan kepada guru-guru yang telah mengambil kursus khas ini sebagai guru "specialist", dengan izin, atauapun guru pakar dalam bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia.

Jadi sekiranya usaha ini dapat dilaksanakan, saya merasai satu di antara faedahnya akan menolong kepada Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran yang kita ketahui selama ini telah banyak dari semasa ke semasa dan dapat melahirkan guru-guru pakar bahasa Inggeris dan guru-guru pakar dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya suka menyentuh berhubung dengan perpaduan rakyat di dalam negara kita **ini**. Apabila kita berkata perpaduan rakyat dalam negara kita **ini**, Kerajaan mengambil perhatian bersungguh-sungguh supaya rakyat dalam negara kita ini hidup dalam keadaan yang aman dan damai dari semasa ke semasa di antara kita yang tinggal berbilang kaum dalam negara kita **ini**.

Banyak bahagian-bahagian telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui siaran Radio dan Televisyen, misalnya menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Rakyat, sama ada di bandar-bandar ataupun di kawasan perumahan, ataupun barangkali rakyat sendiri berusaha untuk memupuk perpaduan di antara mereka sesama mereka.

Misalnya, kalau ada majlis hari raya ataupun hari tahun baru kepada sesuatu bangsa **itu**, maka bangsa-bangsa yang lain itu mengunjungi rumah-rumah jiran mereka untuk mengeratkan lagi perpaduan di antara bangsa-bangsa dalam negara kita ini.

Selain daripada itu juga, kalau misalnya ada majlis-majlis perkahwinan, kita semua bangsa sama ada terdiri daripada orang Melayu, orang Cina, India dan sebagainya - sekiranya majlis itu dilakukan oleh orang India, maka orang India menjemput orang-orang Melayu dan Cina hadir di dalam majlis perkahwinan itu.

Jadi ini kita merasakan untuk perpaduan rakyat dalam negara kita **ini**, bukan sahaja tanggungjawab daripada pihak Kerajaan semata-mata, bahkan rakyat sendiri patut berusaha untuk menyatupadukan di antara sesama kita yang tinggal di dalam negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan, walaupun usaha Kerajaan dibuat dan walaupun ada usaha rakyat sendiri untuk menyatupadukan kita sesama kita mungkin gagal, kerana saya perhatikan dalam tempoh kebelakangan ini, segelintir daripada ahli-ahli politik tertentu sentiasa menyarankan isu-isu perkauman. Saya merasakan juga sistem pilihanraya yang ada sekarang ini ataupun sistem pilihanraya yang ada di Malaysia ini adalah satu sistem penjajahan dahulu dan tidak sesuai lagi dan dirasai sistem yang ada sekarang ini perlu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kaji sistem-sistem pilihanraya di antara negara-negara di dalam dunia ini, antaranya tidak sama di antara satu negara dengan negara yang lain. Misalnya, sistem pilihanraya di antara Malaysia dengan Indonesia tidak sama. Sistem pilihanraya Malaysia dengan Amerika tidak sama. Begitu juga sistem pilihanraya Indonesia dan Amerika juga tidak sama. Jadi ini berdasarkan kepada keadaan ataupun situasi bagi sesebuah negara itu yang mencipta bagaimana keadaan yang sesuai mewujudkan satu pilihanraya kepada negara-negara itu sendiri.

Jadi, kepada saya keadaan ataupun situasi negara kita ini disebabkan tidak sama dengan negara-negara yang lain, satu di antaranya kita di Malaysia ini terdiri daripada berbilang bangsa dan satu lagi kita juga di negara Malaysia ini mempunyai "Raja", "Sultan" ataupun "Yang di-Pertuan Agong".

Berasaskan daripada keadaan ini, maka saya merasakan sistem pilihanraya sekarang perlu dikaji semula ataupun ditukar.

Walaupun kita tahu sistem pilihanraya yang ada **itu**, khususnya pilihanraya Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Parlimen berjalan dengan baik. Dengan itu, saya mencadangkan, memandangkan setakat ini pilihanraya yang kita adakan berhubung dengan Dewan Undangan Negeri, satu lagi. Dewan Parlimen - tetapi Dewan Negara tidak mengadakan pilihanraya, kita mengekalkan sistem Dewan Negara ini seperti biasa - tetapi sistem pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Dewan Parlimen mestilah diubah, berasaskan kepada kita mempunyai "Raja", "Sultan" ataupun "Yang di-Pertuan Agong" yang berdaulat iaitu Dewan Parlimen ataupun Dewan Negeri yang selama ini berjalan 100% dipilih oleh rakyat, mestilah Ahli-ahli Dewan Negeri dan Dewan Negara sekurang-kurangnya 30% ahlinya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja ataupun Sultan bagi tiap-tiap buah negeri.

Misalnya, kalau dalam sesebuah negari itu terdiri daripada 30 orang Ahli Dewan Negeri, pilihanraya wujud juga, tetapi 20 orang sahaja dipilih dan 10 orang diberi peluang kepada Sultan ataupun Raja melantik mereka duduk dalam Dewan Undangan Negeri.

Dan kalau dalam pilihanraya kebangsaan ataupun pilihanraya Dewan Parlimen, sekiranya kalau negeri itu tidak mempunyai Raja, misalnya, negeri Melaka, Pulau Pinang dan sebagainya, itu bolehlah diberi peluang kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong melantik 10% daripada Ahli Dewan Undangan Negeri. Begitu juga kepada Ahli Dewan Parlimen 30% daripadanya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan 70% hendaklah dipilih oleh rakyat.

Dengan kata ringkas, saya mengesyorkan atau mencadangkan Dewan Undangan Negeri dan Dewan Parlimen hendaklah berasaskan kepada yang dilantik ataupun dipilih, 30% dilantik oleh Raja ataupun Sultan

ataupun Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Contohnya, kalau misalnya ada 30 orang Ahli Dewan, 20 orang kita pilih dan 10 orang yang kita lantik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya suka menyentuh berhubung dengan pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Dalam masalah pembinaan Jambatan Pulau Pinang, kita memang sedar jambatan ini telah siap dan telahpun digunakan oleh orang ramai dan memakan belanja yang beratus-ratus juta ringgit.

Saya merasakan tujuan asalnya Kerajaan kita membina jambatan itu adalah untuk menggantikan perkhidmatan feri, tujuannya barang-kali kalau tidak ada jambatan kita menggunakan feri, boleh memakan masa yang lama ataupuu sukar sedikit kalau dibandingkan dengan kita telah membina sebuah jambatan. Jadi apabila jambatan itu telah siap, maka dikenakan bayaran kepada orang ramai yang menggunakan jambatan itu iaitu dengan pungutan tol.

Apa yang kita ketahui selama ini pendapatan pengutan tol tidak begitu menggalakkan dan kita boleh memikirkan untuk mendapatkan pungutan tol bagi membayar pembiayaan Jambatan Pulau Pinang tidak akan dapat kita laksanakan, mungkin kalau kita hendak membayar faedah pun agak sukar. Jadi oleh sebab yang saya jelaskan tadi di samping jambatan mengadakan pungutan tol tetapi perkhidmatan feri juga diadakan. Ini satu perkara yang lari daripada tujuan asal. Dengan ini kita cuma mengharapkan kepada Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan supaya perkhidmatan feri daripada Tanah Besar Semenanjung Malaysia ke Pulau Pinang itu perlu diberhentikan daripada masa kesemasa, dan akhirnya penggunaan jambatan Pulau Pinang seratus-peratus akan dilaksanakan. Mungkin kita boleh mengurangkan setahun demi setahun dalam jangka masa 3 tahun, dalam jangka masa 5 tahun, perkhidmatan feri dan perkhidmatan feri ini kita boleh alihkan ke mana-mana yang sesuai untuk mereka berkhidmat kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menarik perhatian dan menambah apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom tadi berhubung dengan ucapan seorang daripada Ahli Dewan Rakyat yang memperkatakan kita Ahli-ahli di Dewan Negara. Saya merasai kita Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat yang bersidang di sini adalah mewakili rakyat di dalam negara kita. Pemilihan kita sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara berasaskan bermacam-macam aspek ataupun berasaskan banyak aspek, satu di antaranya berasaskan kepada kewibaan kita dalam politik. Kalau kita tidak berkecimpung dalam politik, kita jangan harap kita akan sampai di Dewan Negara ini ataupun kesanggupan kita dan penerimaan kita sebagai ahli-ahli politik yang meletakkan kita

sebagai seorang pemimpin politik, sama ada di peringkat cawangan, sama ada di peringkat bahagian ataupun di peringkat kebangsaan.

Selain daripada itu, kita bersanggupan menghadapi sebarang masalah dalam politik di negara kita **ini**, berasaskan daripada itu maka kita ini bolehlah ditempatkan duduk sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, tetapi cuma bezanya kita di Dewan Negara ini tidak dipilih oleh rakyat. Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat, tetapi asas pemilihan itu daripada aspek-aspek yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita selidik dengan begitu mendalam agaknya kita telah banyak menyandang beberapa jawatan politik ataupun jawatan dalam masyarakat dan kita tahu pemimpin-pemimpin yang ada ini. Ada di antaranya yang berpuluhan-puluhan tahun berkecimpung dalam politik dan berkecimpung dalam masyarakat, dengan sebab itu atau dengan asas itu maka pemilihan kita ini berasaskan daripada khususnya kewibaan kita dalam politik dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dipilih adalah atas kehendak dan keputusan Dewan Negeri, selain daripada itu atas kehendak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bagi Ahli-ahli Dewan Negara. Jadi dari segi keterangan yang saya jelaskan tadi, kita semua Ahli-ahli Dewan Negara ini memang berkewibawaan sama ada dalam bentuk politik, dalam usaha politik ataupun dalam usaha masyarakat. Memandangkan kita ini berkewibawaan maka kita sedar ada di antara rakan-rakan kita yang lalu telahpun dapat bertanding di dalam Dewan Undang Negeri dan Dewan Parlimen. Ini menunjukkan kita adalah seorang ahli politik yang hidup dan boleh diletakkan di mana-mana. Tetapi tidak samalah sebagai ada di antara ahli-ahli parti Pembangkang, DAP misalannya, ada di antaranya mereka telah mengenengahkan dinastinya dalam politik. Maksudnya menegakkan

dinasti, menegakkan keturunan mereka di dalam politik ini. Sebagai contoh, saya adalah tinggal di dalam kawasan Parlimen Kota Melaka.

Pada saya, siapa sahaja yang bertanding dalam kawasan Parlimen Kota Melaka, walau pun dia orang gila sekalipun, kalau atas nama DAP, tetap menang. Ini kita tidak tahu apa sebab mengapa diletakkan orang begitu juga menang kalau mereka bertanding dikawasan Parlimen Kota Melaka. Mungkin kerana perkauman dan sebagainya. Dan saya merasai calun yang menang dalam kawasan Parlimen Kota Melaka yang lalu adalah orang yang mentah, adalah orang yang politiknya masih baru lagi, orang yang tidak menempuh liku-liku politik sama ada dalam partinya sendiri atau dalam negara, tiba-tiba diletakkan dia bertanding di dalam kawasan Parlimen Kota Melaka. Seperti saya terangkan tadi kalau orang gila sekalipun, kalau mereka bertanding atas nama DAP tetap menang. Jadi itulah yang saya katakan, sesiapa sahaja kalau bertanding atas nama DAP, maka tetap menang. Apa yang kita tidak puas hati ataupun kita merasa kesal walaupun kita mengatakan mereka seorang yang mentah, tetapi mereka tidak tahu sedalam-dalamnya kita Ahli-ahli Dewan Negara ini dan sanggup mereka menyatakan kita ini sebagai tong sampah. Saya berpendapat ini adalah satu percakapan yang bongkak dan biadap. Pada hemat saya ahli-ahli politik yang tersebut saya boleh menganggapkan ia adalah sebagai ahli politik yang hingus meleleh, bukan sahaja ianya dikatakan sebagai ahli politik tong sampah, bahkan ianya juga boleh dikatakan sebagai ahli politik yang dungu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya. Dengan ini, saya menyokong usul yang dibentangkan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Oktober, 1986 yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kenneth Kenyan dipersilakan.

#### **4.50 ptg.**

**Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersara rakan saya untuk menyokong usul berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa merasmikan Persidangan Penggal Pertama, Penggal Ketujuh pada 7hb Oktober, 1986.

Bagi pihak rakyat Sarawak, saya menyampaikan ucapan syukur dan menjunjung kasih serta setinggi-tinggi penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang tegas, tepat dan bermakna kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaan Barisan Nasional yang cemerlang dalam pilihanraya baru-baru ini. Kejayaan yang cemerlang ini adalah bukti nyata kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional amnya dan kepada pucuk pemimpin Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang melahirkan sebuah negara yang teguh dan harmoni.. Keputusan ini menunjukkan bahawa rakyat menyokong penuh dasar Kerajaan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, di antaranya Baginda menyeru kepada semua rakyat untuk bersatu padu memelihara kesejahteraan rakyat dan mengekalkan perpaduan negara. Seruan Baginda ini amatlah tepat pada masanya. Sekarang negara sedang melalui keadaan yang penuh cabaran. Kita sedang menghadapi masalah

yang bermacam-macam, seperti keselamatan, ekonomi, peningkatan kadar pengangguran, penyalahgunaan dadah yang merebak dan polarisasi kaum. Masalah ini akan mewujudkan ketidakstabilan politik, mengancam keamanan dan meretakkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa ada wujud di negara kita ini pihak yang tidak bertanggungjawab dengan sengaja mengambil peluang menghasut rakyat. Tujuan mereka adalah hendak mencetuskan kacau-bilau di negara kita yang dikasih **ini**. Mereka ini menyebarluaskan berbagai khabar angin, menonjolkan masalah perkauman dan menyatakan 'integrity', dengan izin, pemimpin negara kita. Dalam menempuh cabaran yang sedemikian, maka rakyat harus bersatu padu. Rakyat dari segenap lapisan masyarakat, termasuk pemimpin-pemimpin parti politik harus bekerjasama mencari penyelesatan kepada masalah yang kita sedang alami sekarang.

Kita seharusnya mengenepikan kepentingan yang sempit, mengutamakan kepentingan negara. Semua rakyat yang cintakan Malaysia, rakyat yang taat setia harus membuktikan bahawa kita tidak mahu dan tidak dapat diperalatkan oleh mana-mana pihak untuk memusnahkan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membentangkan pandangan mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan cadangan Kerajaan hendak meneruskannya melebihi tempoh tahun 1990. Penerusan Dasar Ekonomi Baru, pada pandangan saya, bukan hanya berpatutan kerana masih belum kita capai dan tidak mungkin akan dapat dicapai sebelum tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru bertujuan hendak membasmikan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat tidak mengira kaum, keturunan dan asal. Ini adalah matlamat Duli Yang Maha Mulia yang bertujuan hendak mengeratkan perpaduan negara.

Adalah tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan kebajikan rakyat Malaysia yang miskin, yang masih ketinggalan dalam semua aspek pembangunan yang duduk di luar bandar diberi perhatian, dibantu dan dijamin. Adalah lalai bagi Kerajaan sekiranya tidak merancang mereka dan melaksanakan satu dasar khusus untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya ramai rakyat Malaysia yang dalam cengkaman kemiskinan yang duduk di luar bandar terbiar jauh dari arus pembangunan adalah kaum bumiputera. Soalnya adalah haruskah kita membiarkan masalah ini kepada alam dan 'the process of free enterprise system', dengan izin, untuk menyelesaiannya.

Sejarah telah membuktikan bahawa sistem ekonomi yang terbuka di Malaysia tidak dapat menyelesaikan, tanya meluaskan jurang perbezaan pendapatan di antara orang kaya dan orang miskin. Ini telah mencetuskan, dengan izin, 'social disorder, chaos' dan huru-hara kerana orang bumiputera tetap menuntut dan menjaga hak mereka. Oleh yang demikian, perlulah Dasar Ekonomi Baru ini diwujudkan. Dasar Ekonomi Baru memang ada kelemahannya. Kerana kelemahannya itulah matlamat belum tercapai sepenuhnya, tetapi ini bukanlah penyelewengan.

Dadah: Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah adalah satu masalah sosial yang kejam masa depan negara kita kerana sasarannya dituju kepada pemuda dan pemudi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap tahniah atas ketegasan Kerajaan Malaysia dalam hal jenayah dua rakyat Australia dihukum gantung. Walaupun berbagai ancaman dari dalam dan luar negeri, Kerajaan Malaysia terus memberitahu dunia bahawa kita tidak mahu bertolak-ansur dengan jenayah yang begitu kejam.

Tuan Yang di-Pertua, ketegasan dan langkah-langkah yang kilat masih tidak memutuskan penyebaran dadah ini. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak Kerajaan untuk terus mencari jalan bagaimakah kita dapat memusnahkan jenayah ini. Langkah-langkah yang berkesan harus diambil untuk mengawal dari merebak penyalahgunaan dadah di institusi-institusi pengajian-pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta pihak berkenaan memberi penerangan yang lebih lanjut ke seluruh negara mengenai merbahayanya penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pelajar-pelajar kita di institusi pengajian tinggi, seperti ITM pun terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan diperalatkan oleh penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan integrasi nasional adalah satu objektif yang ke arah mengeratkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik segala langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan perasaan rakyat bahawa mereka adalah rakyat Malaysia juga. Perasaan bahawa kita rakyat Malaysia telahpun meresapi segenap lapisan rakyat negeri Sarawak. Perkembangan ini adalah menggalakkan usaha-usaha seperti Rancangan Anak Angkat dan lawatan-lawatan Belia ke semua negeri Malaysia harus dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan melawat lebih kerap lagi ke seluruh Sarawak supaya para Menteri dan pegawai kanan memahami dan menyedari masalah yang dihadapi oleh rakyat semasa di Sarawak, khususnya rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan-jalanraya di Sarawak, kita ini sudah lebih 20 tahun merdeka, jalan-jalan di Sarawak belumlah ditar. Jalan-jalanraya dari Simanggang ke Sibu, dari Sibu ke Bintulu, ke Miri masih belum ditar. Ini memberikan kesusahan kepada rakyat di situ. Jikalau jalan-jalanraya ini diberi seperti di Semenanjung Malaysia **ini**, semua jalan-jalanraya sudah ditar tetapi kita di Sarawak masih belum bertar lagi. Saya meminta Kerajaan berilah peluang, kasihanilah kita di Sarawak, berilah tar kepada jalan-jalanraya di Sarawak.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini . Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

#### **5.05 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kerana menjunjung kasih kepada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh pada 7hb Oktober yang lalu.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi yang mana dapat lagi saya bersama saudara-saudara Ahli Yang Berhormat mendengar Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta dapat pula pada petang ini saya bersama saudara dalam Dewan yang mulia ini memberi sokongan dengan sepenuh-penuhnya kepada Titah Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda walaupun ringkas, tetapi padat dan mencakupi ke semua aspek jasmani dan rohani, dengan izin, demi untuk kepentingan negara dan rakyat jelata semoga, insya Allah, semua rakyat jelata yang berada di dalam negara ini mendapat kesejahteraan, kemakmuran dan keadilan yang sejati, kalaualah semua rakyat patuh dan taat kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur sekali lagi di atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mana telahpun dikurniai kemenangan yang cemerlang, yang lebih daripada kehendak partinya; lebih daripada dua pertiga.

**I**ni, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu amanah yang telahpun dipertanggungjawabkan oleh rakyat kepada Kerajaan kita, termasuk kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia **i**n*i*, yang mana amanah ini wajib kita pelihara dan jaga dengan betul dan cermat, semoga kita tidak menjadi seorang pecah amanah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, amatlah kena pada tempatnya Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong itu yang mana pada muka yang pertama ada menyebut amalan demokrasi berparlimen telah sebat dengan rakyat, kebebasan asasi seseorang dijamin oleh Perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil. Oleh **i**tu, sistem demokrasi itu mestilah sentiasa dipelihara dan dipertahankan. Itulah setengah daripada ucapan di muka yang pertama yang telahpun diucap oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap pada petang **i**n*i* barangkali ada sedikit berlainan dengan saudara-saudara Ahli Yang Berhormat yang telahpun bercakap.

Sebelum daripada saya pergi kepada tujuan saya iaitulah saya suka mengingati kepada seluruh rakyat. seluruh warganegara yang berada dalam Malaysia ini iaitu telahpun sama-sama kita mengetahui, telahpun termaktub di dalam Perlembagaan negara bahwasanya agama Islam adalah agama, rasmi negara. Tetapi agama iain dibebaskan, boleh mana-mana penganut-penganut penduduk-penduduk dan warganegara yang berada dalam Malaysia ini yang beragama lain dibebaskaa. Ini adalah perkara yang telahpun termaktub di dalam Perlembagaan. Jadi, saya suka memberi sedikit penerangan iaitulah Islam, semoga saudara-saudara kita daripada yang bukan Islam tidak ragu-ragu kepada penganut-penganut Islam bahkan kepada Islam sendiri, tidak menjadi ragu-ragu dan tidak menjadi cemburu.

Islam adalah agama keamanan, agama yang menjamin seluruh umat manusia mesti duduk di dalam keamanan, kesejahteraan dan keadilan. Sebab kenapa saya berkata demikian, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Allah s.w.t. pencipta alam memberitahu di dalam Al-Quranul Karim yang berbunyi, Bismillahir-rahmanirrahim "Tidak Kami hantar akan dikau wahai Muhamad ke alam dunia ini untuk memimpin manusia, melainkan kerana hendak memberi rahmat kebaikan kepada semua alam", Bukan kepada orang Islam sahaja, bukan kepada insan sahaja, kesemua alam sama ada langit ataupun bumi ataupun haiwan-haiwan atau apa sahaja. Ini hikmah Allah s.w.t. bangkitkan hantar Muhammad untuk memimpin, untuk memberi kesedaran kepada seluruh manusia bahwasanya agama yang dibawa oleh Muhamad ini ialah satu agama yang datang daripada langit, demi untuk menyelamatkan penduduk alam ini supaya mereka dapat hidup dengan aman makmur dan kesenangan.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, dasar Islam, Islam tidak memaksa, "Tidak ada paksaan di dalam agama". Islam tidak memaksa manusia sesiapa pun mesti masuk, tidak. Islam tidak memaksa. Bukan satu agama yang memaksa dan menarik. Agama yang menyampai dan memberitahu sibarkan ilmu pengetahuan secara Islam supaya semua manusia memikir dengan akal fikiran yang dikurnia yang diletak di dalam tubuh insan yang berbeza dengan makhluk yang lain supaya manusia dapat membeza yang mana yang baik dan yang mana yang tidak baik. Sebab itulah nyata sudah terang dan nyata pertunjuk daripada Tuhan, Nyata yang baik dan yang tidak baik yang semua manusia yang ada akal fikiran dapat memikirkan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, Rasulullah sendiri berkata, yang bermaksud: "Permudah oleh kamu dan jangan kamu memayah". Dasar Islam adalah satu dasar hidup manusia untuk hendak menyenangkan seluruh umat, bukan hendak menyusah seluruh umat, bukan hendak menganiaya seluruh umat.

Oleh hal yang demikian, saudara-saudara kita daripada yang bukan Islam jangan syak wasangka, jangan bimbang kalaualah Kerajaan Malaysia ini menganjurkan hukum Islam ataupun menjalani syariat Islam. Jangan berasa syak wasangka, jangan berasa bimbang takut-takut terniaya, tidak sama sekali. Islam mustahil dan tidak sama sekali menganiaya kepada seseorang. Bacalah sejarah, cubalah saudara-saudara baca sejarah bukan dalam bahasa Arab sahaja sejarah, dalatn bahasa Inggeris dan bahasa apa pun ada sejarah, tolong baca sejarah bagaimana sikap Baginda Rasulullah, bagaimana kepimpinannya, bagaimana kepimpinan para sahabat.

Sebab itu Allah s.w.t. menghantarkan Muhammad, anak Abdullah anak Abdul Mutalib menjadi Rasul sebagai contoh dan teladan kepada

manusia. "Sesungguhnya adalah pada kamu Rasulullah, ikutan yang elok". Kalau hendak buat contoh tauladan hidup peribadimu, secara peribadi, secara berkeluarga, secara bermasyarakat, secara bernegara, ikutlah secara Rasulullah. Bagaimana peribadi Rasulullah terhadap keluarganya, bagaimana peribadi Rasulullah dengan jiran tetangganya, bagaimana peribadi Rasulullah dengan lawan dan kawan, bagaimana cara Rasulullah memerintah. Ikutlah kalau kamu hendak selamat. Itulah jaminan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah termaktub di dalam Perlembagaan Islam adalah agama rasmi negara, kita memerintah negara ini sudah lebih daripada sesuku abad, pada pandangan saya amat wajar sekali kepada pemimpin-pemimpin kita, dan telahpun pemimpin buat dan telahpun ke arah itu amat wajarsekali terapkanlah, jalankanlah kalau tidak 100%, 70%, 50% mengikut landasan syariat Islam, insya Allah kita akan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji di dalam Titah Ucapan Baginda sebagaimana yang telahpun saya kata melengkapi jasmani dan rohani, erti benda yang biasa untuk hidup dan untuk hendak hidup di dunia dan untuk hendak hidup di akhirat telahpun mencakupi ada dalam Titah. Tetapi tidak akan terhasil, tidak akan terlaksana dengan sempurna segala cita-cita kita, segala rancangan kita, kalaualah negara kita tidak aman, tidak menjadi aman kalaualah rakyat jelata tidak bersatupadu. Bererti perpaduan ini adalah wasilah, jalan untuk hendak menyampaikan kepada matlamat maksud; yang kita mahu, kesenangan; yang kita mahu kekayaan; yang kita mahu, kelebihan; yang kita mahu, ketenangan. Tetapi tidak akan tercapai tanpa perpaduan. Bagaimana perpaduan?

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan yang tulin, yang keluar daripada hati yang kecil, tidak dapat perpaduan yang tulin, yang keluar daripada hati yang kecil kecuali tiap-tiap seorang itu memandang kepada saudaranya ialah dirinya sendiri. Kasih sayang kepada orang lain sama dengan kasih sayang kepada dirinya sendiri, bahkan orang lain lebih sayang daripada dirinya sendiri. Inilah perpaduan yang sejati, yang dikehendaki oleh Islam. Inilah perpaduan yang tak dapat diluntur, walaupun sedikit, tetapi tidak dapat tepuk.

Tuan Yang di-Pertua, ayat Quran yang bermaksud: Berapa banyak daripada bilangan yang sedikit dapat menewas bilangan yang ramai dengan izin Allah, tetapi dengan syarat bilangan yang sedikit itu adalah menjadi satu memandangkan kepada saudaranya yang lain lebih daripada dirinya sendiri. Inilah yang dikehendaki perpaduan dalam Islam dan inilah yang dikehendaki oleh Kerajaan kita kepada seluruh rakyat warganegara yang berada di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Petrtua, sebelum daripada saya menerangkan hujah-hujah dalam segi nas mengikut pendapat pemikiran saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor meringkaskan ucapan, 5 minit lagi,

**Tuan Haji Mohd Noor bin Haji Abdullah:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut pandangan saya tiap-tiap seorang tidak terkecuali siapa, tiap-tiap seorang warganegara mestilah menyoal diri masing-masing di mana saya berada sekarang. Ini mesti soal, di mana saya berada sekarang dan ke mana saya akan pergi? Kalauolah kita menjawab soalan kita sendiri mengatakan: Ya, saya duduk di Malaysia, saya akan mati di Malaysia, tidak akan berpindah ke lain negara. Kalau begitu barulah perasaan bertanggungjawab kita kepada Malaysia ini lebih daripada kita bertanggungjawab kepada diri kita. Sebab Malaysia ini besar, ibarat perahu yang kita belayar dalam lautan masing-masing kita duduk; gilir sigong di atas perahu air berombak, lama kelamaan perahu itu akan terbalik, apabila terbalik bukan seorang yang lemas semuanya akan lemas. Begitulah keadaannya kita, kalaolah di antara warganegara Malaysia tidak kira bangsa apa kalau ada perasaan curiga masing-masing nanti dunia akan terbalik. Na'uzu billah minzaliq.

Dengan sebab itu, saya menyeru sekali lagi kepada seluruh rakyat daripada setinggi-tinggi sehingga sampai ke serendah-rendahnya sifatkanlah saudaranya lebih daripada dirinya, kasihkanlah saudara lebih daripada diri sendiri, insya Allah, kita akan selamat buat selama-lamanya. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya sekali lagi memberi sokongan penuh kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

### **5.27 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur kepada Allah yang telah dapat bersama-sama dengan Yang Berhormat yang lain untuk menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih atau Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7.10.1986 untuk merasmikan persidangan kedua-dua Dewan.

Titah Ucapan yang pendek dan padu dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu saya petek sedikit-sedikit. Menyentuh kepada perpaduan dalam negara kita ini daripada pemimpin atas dan daripada pemimpin-pemimpin dalam negara kita menyeru kepada perpaduan dalam negara ini, kerana dalam negara ini kita tinggal berbilang kaum, tetapi apa yang kita lihat dan apa yang kita ketahui ucapan-ucapan, perpaduan yang dikatakan itu selalu dalam kumpulan-kumpulan. Inilah yang kita rasa menyediakan terutama sekali yang menyeru kepada perpaduan pemimpin-pemimpin, tetapi ada setengah daripada pemimpin kita yang membuatkan supaya rakyat tidak bersatupadu. Umpamanya, Yang Berhormat faham baru-baru ini telah disuarakan beberapa kali supaya tidak berpadu atau tidak bersatupadu rakyat itu. Rakyat ini dia mengikut keadaan, apa ucapan pemimpin maka rakyat akan mengikut, akan mendenga dengan teliti.

Jadi, yang hendak bersatu-padu ini rakyat, yang menyeru ini pemimpin. Apabila pemimpin menyatakan sesuatu maka rakyat itu dengan sendiri renggang di antara satu sama lain. Kita dapat rasakan ini terutama sekali kalau kita tinggal di tempat-tempat yang tertentu. Maka adakah usaha kita, apakah usaha Kerajaan ke arah itu? Kalau kita lihat pemimpin-pemimpin kita sekejap bercakap perpaduan, sekejap lagi di satu masa yang lain pula memecah-belah dengan ucapan itu, rakyat itu dengan sendirinya berpecah-belah, berperasaan di dalam hati tetapi bila dilihat kepada pemimpin pada satu masa berbaik sungguh-sungguh, jadi ini mengelirukan rakyat. Maka di manakah laungan-laungan kita yang kita katakan 'Kepimpinan Melalui Teladan', sedikit-sebanyak pada masa sekarang ini terjejas juga perpaduan.

Saya beralih kepada ekonomi. Pada masa sekarang kita bercakap fasal ekonomi meleset. Jadi, Kerajaan kita sungguh berusaha kuat hendak meninggikan ekonomi dalam negara **ini**, kerana kita bercakap senang, tetapi berat lagi orang yang memikul keadaan **itu**. Negara kita berhutang banyak untuk mendapat bayaran balik itu daripada rakyat kita. Saya suka menyentuh sedikit. Dalam Belanjawan apa yang dirasakan oleh rakyat terutama sekali pekerja-pekerja yang bergaji sederhana ataupun rendah tentang pinjaman perumahan, membeli rumah dengan dia telah kira budgetnya, dengan gajinya dipadankan, dengan naiknya sedikit daripada kadar bayaran itu maka kepada mereka terjejas juga perasaannya, terjejas juga ekonomi rumah tangganya.

Ada setengah-setengah negeri bukan sahaja daripada bayaran bulanan yang hendak dia bayar rumah itu naik, tetapi Cukai Rumah

pula naik. Kepada orang macam ini dia tidak menyalahkan kepada sesiapa tetapi terus menyalahkan kepada Kerajaan.

Saya menyentuh sedikit berkenaan dengan keselamatan. Kita bersyukur kepada Allah kerana negara kita ini telah kurang ancaman daripada komunis dalam hutan. Tetapi kita sentiasa menghadapi ancaman berbagai-bagai rupa. Ancaman daripada keganasan anak-anak muda di tepi jalan meragut **beg**, meragut barang kemas, yang dia syak orang ini berada, dia membuat perkara macam itu, pecah rumah, banyak jenayah yang sedemikian yang mengugat kepada suri-suri rumah tangga ataupun orang ramai terpaksa berjaga, tidak ada ketenangan kepada mereka. Kalau duduk rumah besar pun bimbang juga, duduk rumah kecil pun takut juga, sentiasa ini berlaku. Apakah tindakan polis kita? Kalau terjadi perkara-perkara pelanggaran umpamanya di tengah jalan, setengah jam belum sampai bantuan polis. Begitu juga kepada rumah-rumah yang kena pecah, yang kena ragut. Kita mengambil polis banyak tetapi kalau kita jalan tiga batu, belum kita berjumpa seorang polis untuk mengawal, bagaimana.

Lagi satu masalah dadah. Ini juga mengancam keselamatan. Bukan sahaja mengancam keselamatan di luar daripada penjara tetapi di dalam penjara juga, kerana penjara itu padat bercampur-gaul dengan penagih dadah dengan penjenayah-penjenayah yang lain.

Baharu-baharu ini kita semua tahu bahawa sanya telah terjadi kes tahanan di Penjara Pudu, mereka begitu berani walaupun ia di dalam kepongan membuat kelakuan sedemikian. Apatah lagi yang duduk beramai-ramai macam itu kalau mereka bangkitkan sesuatu, saya tidak tahu sebab saya bercakap sedemikian, saya selalu melihat keadaan

orang-orang penagih dadah ini terlampau banyak, padat di dalam penjara, Apakah kita tidak dapat memisahkan mereka supaya dibuat satu tempat yang berasingan untuk dipisahkan dengan penjenayah-penjenayah atau kesalahan-kesalahan yang lain. Penagih dadah biar mereka dengan penagih dadah sahaja, sebab tidak ada tempat di dalam pusat-pusat pemulihan dadah, jadi yang di dalam penjara ini kita ubahkan ke satu tempat, biar mereka duduk di sana sama-sama penagih dadah.

Seterusnya saya suka sedikit menyentuh dasar luar negeri, terutama sekali dalam ASEAN, Baharu-baharu ini kita semua tahu bahawasanya negara Singapura telah mengundang Presiden Israel dengan mengejut dan negara kita ini juga rakyatnya ada tunjuk perasaan daripada satu partilah. Kebetulan kalau tidak silap saya Wakil Rakyat sanggup baring atas landasan keretapi supaya hendak menghalang keretapi itu pergi ke Singapura.

Kalaualah penunjuk-penunjuk perasaan itu pergi ke satu tempat yang lain memecahkan sesuatu, apa akan jadi kepada negara kita bersama-sama jiran. Ini juga kurang perhatiankah, ataupun kita tidak jangka perkara semacam itu berlaku. Jadi, pada pandangan saya Titah Di Raja supaya berwaspada itu patutlah kita hayati betul-betul. Itu kepada luar negeri, tetapi dalam negara kita seolah-olah kita bertepuk sebelah tangan, tidak berbunyi. Saya rasa kita sama-sama faham. Inilah menunjukkan bahawasanya apakah akibah ucapan-ucapan yang kurang berhati-hati pada hal kita hendak menjadi Wakil Rakyat, hendak menjadi Menteri, hendak menjadi Ahli Dewan mengangkat sumpah taat setia tetapi disebaliknya kita membuatkan perkara-perkara yang sedemikian.

Jadi, saya tidak akan bercakap panjang, menyentuh sedikit lagi berkenaan pilihanraya. Pilihanraya baru-baru ini kita bersyukur kepada Allah kerana mendapat kejayaan tetapi disebalik kejayaan itu semasa bekerja untuk hendak menjayakan itu sangat susah, kerana kurangnya perhatian daftar-daftar nama. Kerana pemisahan kawasan atau pecahan kawasan, saya pun tidak tahu, tetapi ada yang telah meninggal dunia lima tahun, namanya masih ada dalam pendaftaran pengundi, ada yang masih hidup segar, datang hendak mengundi tidak ada nama, walaupun dia berdaftar. Jadi ini seharusnya diambil perhatian kerana tidak lama lagi empat tahun sahaja, lebih kurang lima tahun kita akan keluar lagi membuang undi. Kita tidak mahu dengan keadaan yang sama seperti mana yang baru-baru ini.

Jadi, setakat inilah sahaja pandangan saya, dan saya menyokong penuh di atas Usul yang telah dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Mazidah di atas junjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

### **5.43 ptg.**

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini setiap ahli yang dilantik adalah bertanggungjawab sebagai penyelamat keadaan dan negara seluruhnya. Sebagai amalan demokrasi, pilihanraya silih berganti dan dalam kemenangan berterusan Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa pula ada satu, dua golongan Pembangkang muncul mengadu untuk menguji ketahanan Kerajaan. Setelah sekian lama setelah kita merdeka hampir 30 tahun negara membangun dari jerih perih pemimpin-pemimpin kita dari pelbagai golongan yang lalu dan selama itu apakah hingga kini segala usaha Kerajaan mengubahsuai pelaksanaan sesuatu dasar bagi mencapai matlamat dan kepentingan bersama masih dan mesti dipersoalkan terus menerus.

Apakah sebagai Pembangkang rakyat keturunan Malaysia ke mana sebenarnya akan dibawa kiblat kita. Bukankah di sini negara kita, taat setia yang sepatutnya dicurahkan. Mengapa masih ada suara-suara sumbang yang seolah-olahnya akan menbincang dan menghancurkan

Bukankah dalam mengisi penghidupan ini setiap manusia menginginkan kebahagian dan kedamaian, mengapakah sampai ada yang menganggapkan Dewan yang mulia sebagai tong sampah. Mengapa masih orang mencari pulbisiti sehingga lupa diri ingin menjadi hero, juara, jaguh, pemusnah. Di dalam usaha kita untuk bangun tegak sebagai sebuah bangsa dan negara yang berdaulat, Kerajaan hari ini hendaklah jangan teragak-agak menjalankan sesuatu dasar yang telah diputus dan dipersetujui untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, suara-suara sumbang dan kegiatan segolongan rakyat yang sentiasa sama ada menggunakan kesederhanaan dan keliberalan Kerajaan atau digunakan oleh mana-mana pihak bagi tujuan merenggangkan keharmonian kaum tegasnya memisahkan antara kaum bagi tujuan kepentingan tertentu.

Maka masih ada masa bagi Kerajaan kalau perlu terpaksa menggunakan dari peringkat bawah segi pelajaran rendah, menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi khususnya menjalankan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rahman, Razak yang berkesan, masih belum terlambat untuk membentuk satu rupa bangsa Malaysia sejati supaya tidak akan ada generasi yang lahir di negara ini akan mengakui negara lain ibu pertiwi mereka dan dengan sendirinya mereka akan mengakui Malaysia sebagai ibunda tercinta. Semangat kecintaan yang tidak berbelah bagi, hidup mati Malaysialah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari keadaan sebahagian segolongan penuntut yang tidak begitu kental kecintaan semangatnya terhadap bangsa dan negara dan di dalam saat-saat negara menghadapi kemelesetan ekonomi seelok-eloknya pihak Kerajaan dan Kementerian Pelajaran khususnya mengkaji semula dasar menghantar penuntut-penuntut melanjutkan pelajaran ke luar negeri, memandangkan kos

penampungan mereka jauh lebih murah dt Universiti tempatan, lainlah kalau jurusan yang tidak terdapat di Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa pertumbuhan ekonomi yang lebap ini, masa menguji ketahanan rakyat dan dalam rakyat mengikat perut, berjimat cermat dengan apa yang ada pihak Kerajaan juga mestilah mengkaji kedudukan bandar-bandar kecil di sempadan Malaysia/ Thailand, Rantau Panjang, Pengkalan Kubur misalnya di Negeri Kelantan dan lain-lain, dengan izin, mengadakan Free Trade Zone, bagi membolehkan kegiatan ekonomi berkembang di tempat-tempat berkenaan kerana setakat ini wang Malaysia sahaja yang keluar sedangkan wang mereka tidak masuk kerana sekatan yang ketat di sempadan.

Saya percaya kalaalah dibuka pintu untuk mereka masuk ke kawasan-kawasan yang tertentu tidaklah sampai merugikan sebab kalau-lah di segi keselamatan kita kunci pintu kita sendiri, rakyat kita masih keluar juga membawa wang keluar. Dan dari segi keselamatan kita tidak nampak begitu terancam disebabkan kawasan-kawasan yang khusus telah diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubung dengan kemelesetan ekonomi dan pembangunan-pembangunan yang mesti diteruskan, satu jalan keluar mestilah dicari bagi mengimbangi keadaan yang ada yang mana pembinaan projek-projek Kerajaan yang boleh dibuat secara gotong-royong misalnya oleh mereka yang terlibat seperti dijalankan oleh Kementerian Pelajaran di dalam membangunkan sekolah tambahan, saya percaya Kementerian Pertahanan boleh juga memulakan dengan projek-projek yang kecil seperti pembangunan kem kecil yang dahulu dengan membeli bahan-bahan dan menambahkan elau kepada anggota terlibat di dalam pembinaan. Saya percaya masih dapat menjimatkan masa dan belanja seterusnya pelancaran projek tidak terbentuk.

Berbalik kepada ketahanan dan perpaduan rakyat, masa untuk berpolitik berpuak-puak baik di dalam UMNO, MCA, MIC dan sebagainya, eloklah dikendurkan. Lebih-lebih lagi kepada parti Pembangkang, berilah peluang kepada Kerajaan yang ada hari ini menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk membangun dan memakmurkan Malaysia. Sebab kemakmuran Malaysia akan dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia, begitu juga dengan kemerosotan yang ada. Kalau asyik mengganggu-gugat, hanya kerana ingin menjadi jaguh, kemusnahan yang datang menjenguk, tidak akan memilih korban.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

#### **5.51 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian bersama rakan-rakan yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu dari saya untuk membahaskan dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berhubung dengan pembukaan rasmi Persidangan Pertama Parlimen Ketujuh pada 7hb Oktober, 1986 di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di-Raja itu adalah pendek tetapi padat dengan menyentuh meliputi semua aspek dan perkara yang amat penting yang harus dipupuk dan diberi perhatian dari semua pemimpin politik dan masyarakat serta rakyat keseluruhannya.

Titah Baginda seperti berikut, dan saya izin Tuan Yang di-Pertua untuk baca dua perenggan Titah Baginda yang berkenaan, iaitu:

"Kerajaan akan terus mengeratkan lagi perpaduan rakyat. Kita semua mestilah berhati-hati dalam sebarang ucapan, penulisan ataupun tindak-tanduk, supaya isu-isu sensitif tidak dibangkitkan. Kerajaan kita akan menggunakan segala kuasa dan tenaga yang ada padanya untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat. Kita semua hendaklah insaf bahawa sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah sama-sama kita nikmati selama lebih suku abad akan hancur lebur.

Walaupun saudara saudari mempunyai kebebasan menyuarakan sesuatu isu di Dewan **ini**, tetapi ianya hendaklah dilakukan dengan ikhlas tanpa dikuasai oleh perasaan, semangat perkauman dan sebagainya demi memelihara kesejahteraan rakyat dan kesetabilan negara."

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru telah diterima oleh semua masyarakat sebagai satu perkara yang baik tujuannya dan saya menyokong sepenuhnya supaya Dasar Ekonomi Baru ini dilanjutkan selepas tahun 1990 nanti, terutama dalam membasmikan kemiskinan yang berleluasa di negara ini.

Memang tidak dapat dinafikan kemiskinan di kalangan masyarakat majmuk khasnya kaum bumiputera yang begitu termundur sekali merupakan satu masalah yang telah lama wujud dan dihadapi oleh Kerajaan sejak dari zaman kemerdekaan sehingga ke hari ini dan dengan penubuhan Dasar Ekonomi Baru ini adalah dijangka dapat mengurangkan peratus kemiskinan.

Setakat ini terdapat beberapa kebaikan, kemajuan dan pencapaian yang ditunjukkan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, walaupun ianya masih belum dianggap memuaskan. Oleh itu di sini untuk mencapai objektif utama iaitu membasmikan kemiskinan, kita haruslah

menitik beratkan langkah-langkah yang sesuai dan berkesan. Segala langkah-langkah yang diambil itu hendaklah meliputi semua aspek kemiskinan dan di dalam hal ini kita mesti praktik dan adil.

Sebagai sebuah negara demokrasi, kita inginkan rakyat negara ini mencapai ke tahap kemakmuran dan maju dalam semua aspek hidup dan untuk itu kita harus mempertimbangkan perkara Dasar Ekonomi Baru sama ada tingkat kejayaan yang dirancang itu sudah tercapai ataupun belum. Sekiranya belum, beberapa langkah dan strategi haruslah dibuat.

Satu perkara yang sangat dibanggakan daripada Dasar Ekonomi Baru ini adalah wujudnya perpaduan di kalangan rakyat negara ini yang terdiri dari berbagai kaum. Justetu **itu**, marilah kita bersama-sama merancang dan berfikir dengan jujur dan ikhlas supaya langkah-langkah yang diambil itu adalah baik dan bernes demi untuk kepentingan kita bersama.

Walau bagaimanapun, semua ini adalah bergantung kepada kesan pertumbuhan ekonomi kita. Keadaan ekonomi yang sama-sama kita rasai dan alami pada hari ini adalah amat mendukacitakan. Kesan daripada kemerosotan ekonomi ini akan turut dirasai oleh semua rakyat terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah, memandangkan semua ini haruslah wujud satu kesedaran yang kuat. Kita sebagai pemimpin dan rakyat harus bekerjasama dengan Kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negara kita.

Pengubahsuaian yang perlu untuk mencapai matlamat kita yang jelas itu perlu difikirkan bersama. Tempoh masa untuk mencapainya bukanlah yang paling penting, tetapi apa yang penting sekali ialah pencapaian matlamat ini yang kita percaya akan membawa kemajuan, keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat negara kita yang terdiri

dari berbilang kaum dan keturunan di atas perpaduan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh tindakan Kerajaan melonggarkan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru untuk menarik lebih ramai lagi palabur-pelabur luar negeri. Di sini saya ingin juga mencadangkan bahawa insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur luar negeri, juga patut diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan. Kita perlu pelabur-pelabur luar negeri pada masa sekarang untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara yang lembab, tetapi pelabur-pelabur tempatan juga tidak patut dilupakan.

Di sini, ingin saya menyentuh tentang barang-barang keperluan harian yang harganya masih tinggi, yang mana keadaan ini sudah pasti menjadi beban yang berat yang terpaksa ditanggung oleh rakyat terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah, termasuklah para petani di kawasan luar bandar.

Oleh itu dalam hal ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan khasnya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat sesuatu bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka ini iaitu seperti menurunkan harga barang-barang keperluan harian yang berkenaan, misalnya dengan dapat mempengaruhi peniaga-peniaga supaya menurunkan harga barang-barang makanan, terutamanya bahan-bahan makanan keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Usul Titah Di Raja **ini**, saya ingin juga menyentuh lagi rayuan mempercepatkan kerja-kerja menggazettekan tanah-tanah yang dipohon oleh pihak Jabatan Orang Asli untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Di sini saya minta kerjasama dan jasa baik Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, iaitu sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa sejumlah besar lagi perkampungan Orang Asli di pinggir bandar yang didiaminya dari

turun-temurun nenek-moyang mereka, masih banyak lagi belum diwartakan sebagai Kawasan Simpanan Orang Asli.

Beberapa persoalan dan masalah sedia timbul akibat daripada kawasan Orang Asli yang belum diwartakan seperti berikut:

- (a) Tidak mendapat sebarang bantuan kemudahan tanam semula daripada pihak agensi RISDA yang mana pihak agensi berkenaan mengatakan "dengan syarat hendaklah tanah itu diwartakan terlebih dahulu, barulah diberi layanan. Di sini, saya minta Menteri dan agensi berkenaan supaya memberi pertimbangan untuk menukar syarat bagi memberikan peluang yang luas kepada masyarakat Orang Asli untuk membolehkannya mendapat kemudahan menjalankan kegiatan pertanian dan tanaman semula secara ekonomik dan berkesan terhadap tanah-tanah Kawasan Orang Asli yang belum diwartakan tetapi telah diluluskan sebagai tanah-tanah Kawasan Simpanan orang Asli oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.
- (b) Pengambilan tanah dan pencerobohan terhadap tanah Orang Asli yang sedang diusahakan itu oleh pihak lain adalah sangat ketara melalui cara himpitan. Ini tidak dapat dinafikan kerana tanda batu sempadan (land-mark) tidak ada di kawasan Orang Asli yang telah dikenalpasti akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan terjejas.

Perasaan masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan tanah yang diwarisi sejak zaman datuk nenek moyang mereka tidak ada jaminan yang diharapkan sebagai mana masyarakat lain, yang mana sangat bercanggah dengan kehendak-kehendak dasar Kerajaan untuk mengintegrasikai Orang-orang Asli ke dalam masyarakat kebangsaan

- (c) Melalui Dewan yang mulia ini saya bagi pihak masyarakat Orang Asli di Semenanjung sangat berharap agar dapat pihak Kementerian yang berkenaan menyuarakan kepada Kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan agar proses mewartakan kawasan Tanah Simpanan Orang Asli ini dapat dibuat secara tidak memakan masa yang berlarutan demi kesejahteraan bersama khasnya kepada masyarakat Orang Asli yang amat merasainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah didapati bahawa banyak lagi sumber-sumber semulajadi baik pun tumbuh-tumbuhan atau-pun logam-logam didapati di kawasan-kawasan yang didiami oleh masyarakat Orang Asli. Hingga ke hari ini di kalangan Orang Asli yang mendapat nikmat ataupun keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha mengeluarkan sumber-sumber ini seperti menerusi pembalan-kan, perlombongan dan sebagainya masih lagi berkurangan. Oleh kerana itu bagi pihak masyarakat Orang Asli khususnya mereka yang belum lagi mendapat apa-apa nikmat dan keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha ini, saya memohon kerjasama dan simpati Kerajaan, terutama sekali daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dimana masih ada lagi sumber-sumber semula jadi ini di kawasan-kawasan Orang Asli supaya dapatlah orang-orang Asli yang berkenaan menikmati keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang

dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan lain-lain pemimpin Barisan Nasional yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang semasa pilihanraya umum Yang berlalu baru-baru ini, yang mana telah membuktikan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dapat berjalan dengan teratur dan licin serta diakui diterima oleh segala lapisan masyarakat berbagai keturunan di negara ini.

Dengan ini sekali lagi saya menyokong Usul di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Koh Im Pin.

#### **6.04 ptg.**

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh hormatnya bangun menyokong Usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh pada 7hb Oktober yang lalu. Saya adalah orang baru dan berharap Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi tunjuk ajar kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal menghormati dan menunjukkan taat-setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya mencadangkan supaya semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dimestikan memakai pakaian seragam di majlis perasmian Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak kira apa bangsa, parti yang disertai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang sebagai tanda menghormati Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyertai mesyuarat di Dewan

Negara, saya telah membaca di surat-khabar bahawa Ketua Pembangkang telah mensifatkan bahawa Dewan Negara merupakan rumah orang-orang tua bagi parti memerintah dan ahli-ahli politiknya atau tong sampah politik Barisan nasional. Apa yang saya lihat pada hari ini bukan seperti yang disifatkan oleh Ketua Pembangkang itu. Saya percaya kami lebih muda dari presiden parti pembangkang itu. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum beliau telah berusia lebih daripada 62 tahun. Ketua Pembangkang itu juga mencadangkan supaya Dewan Negara dibubarkan, dan jika tidak, hanya ianya dipilih oleh rakyat. Tetapi hari ini kami dapat mendengar ucapan dan perbahasan yang begitu tinggi mutunya yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadi saya mencadangkan supaya elaun Ketua Pembangkang itu di Dewan rakyat dimansuhkan [Tepuk], kerana Ketua Pembangkang itu telah menerima elaun sebagai Ahli Parlimen dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri, beliau tidak harus terus menerima elaun ketiga, lebih-lebih lagi di zaman kemelesetan ekonomi. Cadangan saya ini bukan bertujuan untuk menentang Ketua Parti Pembangkang itu, tetapi untuk menunjukkan bahawa Dewan Negara bukan seperti yang didakwa oleh Ketua Pembangkang itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kuota di pusat-pusat pengajian tinggi, saya berharap Kementerian Pelajaran akan dapat menambahkan lebih banyak peluang pelajaran dan memberi lebih peluang kepada pelajar-pelajar kaum Tionghua dan India untuk mengurangkan pengaliran keluar pertukaran wang asing setiap tahun, kerana pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di negara ini terpaksa melanjutkan pelajaran di Luar negeri. Keadaan ini bukan sahaja membebankan keluarga pelajar, malah merugikan negara. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan menambah lebih banyak peluang pelajaran dengan menswastakan dan mengusahakan secara usaha sama untuk mencapai tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah pendatang haram. Ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sudah menyentuhnya, oleh itu saya hanya akan menambah sedikit sahaja. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen harus mengambil tindakan terhadap agen-agen kepada pendatang haram, kerana mereka telah membawa masuk pendatang haram, membantu mereka mendapat pekerjaan sehingga membantu mereka memperolehi kad pengenalan merah. Saya menyeru Jabatan Pendaftaran berhenti mengeluarkan kad pengenalan kepada mereka. Saya juga berharap Menteri Buruh mengambil tindakan terhadap majikan kepada pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh masalah yang dihadapi oleh ahli perniagaan. Memandangkan sebuah gerai yang dikehendaki, seseorang perlu memohon berbagai jenis lesen perniagaan di berbagai-bagai Jabatan, saya mencadangkan Kerajaan menyediakan sistem permohonan lesen setempat 'one-stop system', secara sistematis bagi memudahkan ahli perniagaan untuk membantu mereka menghadapi zaman kemelesetan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ucapan saya akan dapat diterima dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Dato' Haji. Zakaria.

### **6.10ptg**

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang pada saat-saat akhir tempoh untuk kita membahaskan .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau ada panjang ucapan, saya akan memberi kebenaran supaya dapat menyambung juga esok hari.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Terima kasih, mungkin tidak panjang [Ketawa]. Untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Mazidah Zakaria untuk menyembahkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Kebawa Duli merasmikan Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh pada 7hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta dengan kawan-kawan dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini walaupun mungkin agaknya telah berulang-ulang, tetapi saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya mengadakan pilihanraya umum yang lalu di negara kita ini dengan aman, tenteram, tidak ada huru-hara, tidak ada rusuhan, Kalau kita pernah mendengar, melihat, membaca di suratkhabar di negara-negara lain apabila ada pilihanraya, rusuhan, pembunuhan, penembakan berlaku, malah ada calon-calon yang bertanding dibunuh oleh parti-parti lawan, tetapi negara kita keadaan demikian tidak

berlaku sejak negara kita mengamalkan pilihanraya pada kali yang ketujuh pada tahun ini. Inilah satu kebanggaan kepada kita sebagai rakyat Malaysia ini, negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang benar-benar dapat dipatuhi, diikuti oleh rakyat.

Saya juga mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Barisan Nasional yang telah berjaya dalam pilihanraya itu dengan cemerlangnya di peringkat Parlimen dan di peringkat Negeri, sampai tidak kita menduga kejayaan itu. Matlamat Barisan Nasional untuk mencapai hanya 2/3 di Parlimen, tetapi kemenangan itu melebihi dari angka yang demikian. Ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia ini memang berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional sejak negara kita ini merdeka sampailah ke hari ini, dan juga membuktikan bahawa sistem demokrasi berparlimen ini berjalan dengan baik di negara kita ini.

Kita pernah mendengar negara-negara lain juga mengakui bahawa ia mengamalkan demokrasi, tetapi demokrasi ala negara dia, tidak macam mana demokrasi negara kita ini. Sebelum pilihanraya berlalu, kita mendapat tahu berbagai-bagai isu telah dikeluarkan oleh parti-parti Pembangkang yang menggugat, yang mahu melihat Barisan Nasional itu runtuh, tidak berkuasa. isu-isu besar yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat ditimbulkan, sengajakan dibuat berbagai-bagai lagi, tetapi rakyat dapat membezakan yang baik dan yang buruk, akhirnya rakyat memilih yang baik. Inilah satu amalan demokrasi yang benar-benar kita lakukan.

Ada negara saya katakan tadi mengamalkan demokrasi berparlimen, demokrasi kononnya, tetapi sebahagian Ahli-ahli Parlimennya dilantik dari pilihanraya, sebahagian besarnya lagi diletak sahaja dalam Dewan itu oleh pemerintah atau oleh Kerajaan, mereka juga mengatakan

demokrasi. Tetapi kita semuanya dibenarkan bertanding, bebas mengeluarkan pendapat, berkempen, bukan sahaja 9 hari, tetapi 4 tahun berkempen. Ada parti Pembangkang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak betul kempen hanya 9 hari, sebenarnya 4 tahun lebih kempen, mereka tidak juga menang, Rakyat tidak dapat menerima apa yang mereka katakan. Jadi demokrasi inilah yang patutnya kita pertahankan, yang seharusnya kitakekalkan untuk menjamin masa depan negara kita, untuk menjamin masa depan warisan kita, untuk menjamin masa depan anak cucu kita di negara yang tercinta ini.

Kita sebagai rakyat Malaysia ini patut benar mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan negara ini yang telah berganti satu demi satu hingga ke hari **ini**, yang hari ini di bawah pimpinan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin Kerajaan lain. Andainya demokrasi ini tergugat, andainya demokrasi ini hilang, keamanan dan keselamatan yang ada ini juga turut akan hilang, kita akan menderita, kita akan merana. Contoh banyak kita lihat di negara-negara serantau, di negara-negara jiran kita lihat bergolak dari semasa ke semasa, tetapi kita rakyat Malaysia ini bebas sebebas-bebasnya. Apa sahaja dapat kita beli, apa sahaja dapat kita buat, asal tidak melanggar undang-undang dan peraturan Kerajaan.

Kalau kita berpeluang ke negara-negara lain, melancong umpamanya, kita dapat membezakan keadaan negara itu dengan negara kita, tetapi masih ada lagi orang mengutuk, masih ada lagi orang tidak mahu mengakui keadaan ini, membangkitkan perasaan-perasaan membenci Kerajaan dan berbagai-bagai lagi walaupun telah ditunjukkan benar-benar keazaman, keadilan dan perlindungan yang diberikan kepada setiap warganegara di negara kita Malaysia ini.

Saya ingin menyeru kepada semua golongan supaya kita sama-sama berusaha mempertahankan demokrasi ini. Jangan sampai kita melanggar apa yang telah kita lakukan, jangan sampai kita melanggar apa yang telah kita putuskan, jangan sampai kita melanggar Perlembagaan negara kita.

Sejak semalam sampai ke petang hari ini rakan-rakan saya masih berkata lagi tentang status Dewan Negara ini yang dipersoalkan sebagai 'tong sampah', sebagai berbagai-bagai macam lagi untuk mengumpulkan ahli-ahli politik telah tua di Dewan ini, tetapi banyak lagi yang muda, banyak lagi yang boleh. Sebenarnya yang duduk di Dewan ini bukan orang-orang baru didatangkan, tetapi bekerja daripada bawah, bertahun-tahun mengikuti perkembangan politik negara ini, mengikuti perkembangan Kerajaan negara ini. Bukan orang baru datang ke Dewan ini, yang faham dua matang berfikir, bukan orang yang dicampakkan sebagai kumpulan orang-orang yang tidak berguna. Saya percaya dan bersetuju bahawa rakan-rakan saya ini sanggup berjuang terhadap keadaan dan masa, bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Rakyat, tetapi Ahli Dewan Negara pun sanggup bekerjasama untuk membantu menjaga keselamatan negara kita ini.

Saya menyokong cadangan sahabat saya sebentar tadi, sepatutnya kalau adalah Ketua Pembangkang mengatakan demikian, kita mengusulkan supaya dipotong sahaja elaun dia sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada keadaan yang sedang diperkatakan hari ini kelembapan ekonomi. Ekonomi negara kita yang lembab oleh kerana jatuhnya harga-harga barang utama negara kita di pasaran dunia, keadaan yang meleset dan berbagai-bagai lagi yang berlaku pada hari ini. ini merupakan satu cabaran kepada kita semua

kerana pada tahun-tahun yang lalu, sebelum keadaan ekonomi kita meleset, kita begitu gembira hidup di negara kita ini, keadaan mewah, senang-lenang dari berbagai-bagai perkara lagi kalau saya hendak katakan dan keadaan pada hari ini memberi kesabaran kepada kita, keadaan ekonomi kita yang meleset.

Dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ini walaupun tidak panjang, tetapi pada keseluruhannya memberi kita peringatan, memberi kita amaran, memberi kita juga satu keadaan supaya kita bekerja kuat untuk melebihkan lagi pengeluaran dan melipatgandakan usaha kita bagi menjamin keadaan ekonomi kita balik semula kepada keadaan yang baik dan kita bekerja bersungguh-sungguh.

Keadaan ini bukan sahaja berlaku di negara kita tetapi oleh kerana keadaannya menyeluruh di dunia. Walaupun begitu, Kerajaan kita telahpun menjalankan berbagai-bagai usaha, berbagai-bagai ikhtiar untuk menaikkan harga-harga barang utama atau komoditi utama kita.

Pada hari ini kita dapat melihat keadaan kenaikan harga, umpamanya harga kelapa sawit telahpun naik sedikit, harga getah juga keadaannya agak baik dan dalam dua, tiga hari ini kita tengok harga bijih timah di pasaran bijih timah negara kita pun naik dan kita berharap semuanya akan berjalan dengan baik.

Di samping itu saya juga ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha kita untuk mengatasi masalah ini, perancangan-perancangan yang tepat dan jitu perlu diadakan. Sebagai contoh, pada masa-masa yang lalu kita tidak begitu mengambil berat dalam masalah industri pertanian umpamanya.

Pada hari semalam, dalam Soal Jawab di Dewan ini sahabat saya bertanyakan jumlah tanah terbiar yang tidak diusahakan. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab iaitu hampir 600,000 hektar tanah terbiar di negara kita **ini**. Dalam jawapan itu juga menunjukkan bahawa usaha-usaha Kerajaan dibuat bersungguh-sungguh, angka-angka yang diberikan sangat menggalakkan, bagaimana di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui RISDA, melalui FELDA dan berbagai-bagai lagi dikatakan telah berusaha untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini.

Saya agak ragu-ragu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada angka-angka yang disebutkan itu betul atau benar selaras dengan pelaksanaannya ataupun angka-angka itu hanya angka-angka di pejabat sahaja saya

kurang faham. Sebabnya saya nampak di dalam perjalanan saya daripada Kuala Lumpur ke utara, dari Kuala Lumpur ke selatan, masih banyak lagi tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan, yang tidak dikerjakan, yang tidak diberi bantuan, yang tidak diambil kira. Ini mungkin agaknya tidak termasuk dalam angka 600,000 hektar itu. Mungkin ini belum lagi dimasukkan dalam senarai yang ada di pejabat Kementerian itu, saya tak tahu. Tetapi secara kasar saya kira dalam usaha ini untuk mengurangkan pengaliran wang keluar, saya baca laporan baru-baru ini bahawa negara kita masih lagi mengimport beras dari luar berharga hampir \$250 juta setahun, mengimport daging daripada luar berharga hampir \$250 juta setahun, mengimport sayur-sayuran dari luar begitu banyak. Kenapa? Saya bertanya kenapa industri pertanian ataupun, dengan izin, agro-based industry ini tidak dimulakan, tidak dimajukan, tidak diusahakan dari awal-awal dahulu lagi bagi mengurangi aliran-aliran wang keluar; di samping itu bagi menambahkan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita.

Anak-anak muda kita berhijrah dari kampung ke bandar untuk mencari pekerjaan. Di kampung saya, di sebelah hulu sana ada 40 buah rumah. Kampung itu kecil. Ini sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua. Ada 40 keluarga. Tiap-tiap satu keluarga itu ada anak, ada sawah padi, ada tanah getah, ada tanah ladang, tetapi malangnya yang tinggal di rumah itu hanya ayah dan ibunya sahaja. Anak-anak semuanya keluar ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang kalau dia bekerja kalau dia tidak bekerja, merayau-rayau sahaja di mana-mana; dan sawah yang tinggal tidak dikerjakan kerana ibu bapanya telah tua dan kebun yang ada tidak diusahakan kerana tidak ada tenaga, anak-anak mereka ini keluar ke bandar. Tinggallah tanah itu terbiar, tidak ada bantuan untuk memajukan secara moden tanah-tanah terbiar ini.

Kalau tanah ini diusahakan secara moden, dengan cara yang lebih sofistikated atau cara yang tertentu, saya rasa anak-anak muda ini tidak akan keluar ke bandar; malahan kita boleh mendidik mereka sebagai anak-anak muda pertanian yang berpelajaran, yang berilmu, yang dapat membimbing, mewujudkan lebih banyak lagi hasil di kampung-kampung itu. Saya rasa ini patut diusahakan bagi mengurangkan sepelemanya saya katakan tadi pengaliran wang keluar dan disamping itu juga bagi menarik semula anak-anak muda ini balik ke kampung untuk mereka tinggal di kampung, memimpin kampung mereka; disamping menjadi petani-petani moden yang maju sebagaimana negara-negara lain.

Maaf, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang suka saya mengambil perbandingan. Kalau kita makan nenas di Kuala Lumpur, rasanya masam. Jikalau kita makan nenas di Thailand, rasanya manis. Kenapa? Apa sebabnya? Kalau buah-buah duku langsat di Thailand besar-besar, tetapi buah duku langsat di Kuala Lumpur kecil-kecil. Di mana salahnya? Kalau Thailand boleh mengeksport durian berharga \$30 - \$40 juta setahun keluar negeri, kenapa kita membelinya; sedangkan kita ada pokok durian. Ini semua yang saya rasakan patut dibuat pengajian khusus dan tindakan yang segera supaya dapat kita memajukan bagi mengembangkan agro-based industry ini atau industri pertanian. Ini bagi membetulkan keadaan yang berlaku pada hari ini dan juga di samping itu dapat kita mengukuhkan ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu ada satu kumpulan anak-anak muda yang bekerja di kilang. Mereka itu lulus SPM tetapi bekerja di kilang. Entah bagaimana mereka dapat belajar pertanian, menanam, menggunakan sawah terbiar di Melaka itu untuk menanam asparagus. Mereka berjaya, Tuan Yang di-Pertua, dan asparagus yang ditanam ini

lebih cantik daripada yang diimport dari luar negeri. Kenapa ini boleh dilakukan, tetapi mereka tidak juga dapat bantuan, hanya hasil tenaga mereka sendiri.

Banyak lagi yang dapat kita majukan pada hari **ini**. Kalau kita lihat hari ini kebun-kebun getah di kampung-kampung yang tidak dimajukan, sawah-sawah padi yang terbiar yang tidak ada air mengalir, berbagai-bagai perkara yang dapat kita lihat. Jadi, saya kurang faham dan mungkin ragu-ragu daripada jawapan yang diberikan semalam bahawa usaha-usaha telah dibuat ke atas tanah-tanah terbiar yang begitu baik laporannya, tetapi tidak baik kedapatan pada kita melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ekonomi ini juga kalau kita hendak memperkatakan kelembapan ekonomi ini secara menyeluruhnya memang banyak. Kadang-kadang sikap pegawai-pegawai mentadbir - minta maaf, sikap Kerajaan Negeri juga kadang-kadang agak dikesalkan kerana kita memohon tanah belum tentu enam bulan lulus untuk mendapat tanah pertanian, sedangkan ini digalakkan. Banyak sekatan-sekatan, kadang-kadang terpaksa kita melalui berbagai-bagai cara untuk mendapatkan tanah itu, begitu lama sedangkan orang telah lebih dahulu berusaha daripada kita. Inipun berlaku juga. Jadi, kesemua ini patutlah kita buat satu garis yang sebenar-benarnya supaya dapat perkara ini diselesaikan dengan serta-merta bagi mencapai matlamat kita untuk memberikan pekerjaan kepada rakyat, untuk memajukan penghidupan secara moden lagi atau berbagai-bagai yang patut kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, agak panjang saya bercakap soal kelembapan ekonomi ini. Sekarang saya suka pula masuk kepada bahagian keselamatan kerana salah satu daripada Titiah Ucapan Kebawah Duli ini ialah keselamatan.

Semalam rakan saya mengatakan dan bersyukur kerana komunis masuknya tak banyak lagi di hutan dan dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan hanya ada, kalau tak silap saya 186 orang. Tak banyak lagi, sedikit benarlah - 186 orang di tiga buah negeri sahaja, iaitu di Selangor, Perak dan Pahang. Sedikit benar. Tetapi saya bersetuju dengan pendapat rakan saya semalam, kalau komunis di hutan itu tidak banyak, tetapi manusia yang berhati komunis terlalu banyak di negara kita ini. Ini yang susah kita hendak Kesan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', minta maaf. Yang Berhormat Dato' boleh menyambung esok sebelum Yang Berhormat Menteri-menteri memberi jawapannya, sebab masa pun sudah cukup,

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok iaitu hari Khamis, 4hb Disember, 1986.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

